

Panduan Polisi untuk Mengenalpasti Mangsa Pemerdagangan



The **Bali Process**

on People Smuggling, Trafficking in Persons and Related Transnational Crime

Panduan pengenalan untuk
para penggubal polisi dan
pengamal



The Bali Process

“Bali Process” – Penyeludupan dan Pernerdagangan Manusia dan Jenayah Transnasional yang Berkenaan, telah ditubuhkan pada 2002 dan merupakan pertubuhan proses konsultatif serantau sukarela yang tidak terikat yang diuruskan bersama oleh Kerajaan-kerajaan Australia dan Indonesia dan merangkumi lebih daripada 45 negara-negara ahli serta pertubuhan-pertubuhan.

Segala pertanyaan tentang panduan polisi boleh ditujukan kepada Pejabat Sokongan Serantau (RSO) untuk Bali Process di:

Emel: info@rso.baliprocess.net

Laman web: <http://www.baliprocess.net/regional-support-office>

Diterbitkan Mei 2015

Penghargaan

Panduan polisi ini telah dihasilkan oleh ahli-ahli Bali Process, dengan sokongan Pejabat Sokongan Serantau dan diketuai Jawatankuasa Penggubal Panduan Polisi Bali Process yang merangkumi ahli-ahli berikut:



Lalu Muhamad Iqbal,

Pemangku Pengarah Perlindungan Warganegara dan Entiti Undang-undang Indonesia

Kementerian Luar Negara Indonesia (Pengerusi Bersama)



Jonathan Martens,

Ketua Unit Bantuan Migran

Pejabat Serantau untuk Asia dan Pasifik, Pertubuhan Antarabangsa untuk Migrasi (Pengerusi Bersama)



Megan Chalmers,

Pegawai Kanan Undang-undang,
Jenayah ke Atas Orang Perseorangan
Jabatan Peguam Negara, Australia



Mohamed Shifan,

Timbalan Ketua Jabatan Immigresen,
Jabatan Immigresen dan Emigresen



Robert Larga,

Pengarah Perlesenan dan Regulasi
Pentadbiran Pekerjaan Luar Negara Filipina,
Filipina



Pinthip Leelakriangsak Srisanit,

Pendakwa Raya,
Jabatan Hal Ehwal Dalaman, Pejabat Peguam
Thailand



Sokongan lanjut kepada Jawatan kuasa Penggubal dari:

Tim Howe,

Penyelaras Projek IOM
Pejabat Sokongan Serantau



The Bali **Process**

Kata Pengantar

Semenjak pertubuhannya pada 2002, “Bali Process” – Penyeludupan dan Perdagangan Manusia, dan Jenayah Transnasional yang Berkenaan (Bali Process) telah berjaya meningkatkan kesedaran serantau terhadap kesan-kesan penyeludupan manusia, perdagangan orang perseorangan dan jenayah transnasional yang berkenaan, disamping merancang dan melaksanakan strategi-strategi dan kerjasama praktikal dalam respons. 48 negara ahli dan pertubuhan-pertubuhan antarabangsa, berserta sebilangan negara pemerhati dan agensi antarabangsa, turut mengambil bahagian dalam forum sukarela ini.

Pegawai-pegawai Kanan dalam Mesyuarat Ad Hoc Kelapan “Bali Process”, telah menyarankan satu set panduan polisi berkaitan isu-isu pengenalpastian dan perlindungan terhadap mangsa perdagangan dibincangkan dan dilaksanakan oleh Pejabat Sokongan Serantau “Bali Process” (RSO) dengan ahli-ahli yang berminat. Selain itu, RSO juga telah menubuhkan Jawatankuasa Penggubal yang dipengerusikan bersama oleh Kerajaan Republik Indonesia dan Pertubuhan Migrasi Antarabangsa (IOM) untuk menyediakan draf panduan polisi. Jawatankuasa Penggubal ini terdiri daripada para pakar dari Kerajaan-kerajaan Indonesia, Australia, Maldives dan Filipina.

Jawatankuasa ini telah besidang sebanyak empat kali dalam tempoh enam bulan, dengan matlamat untuk memperkembangkan panduan pengenalan ringkas bagi para penggubal polisi dan pengamal tentang isu-isu yang terlibat dengan pengenalpastian dan perlindungan mangsa perdagangan.

Draf-draf panduan ini telah diedarkan kepada ahli-ahli serta para pemerhati “Bali Process” untuk sebarang komen bertulis dan untuk dibincangkan serta dikaji semula selengkapnya dalam Bengkel Kerja Perundingan “Bali Process” yang berlangsung pada 23-24hb Mac 2015 di Bangkok, Thailand. Para peserta bersetuju bahawa panduan polisi tersebut amatlah berguna bagi penggubal polisi dan pengamal untuk membantu mereka dalam pengenalpastian dan perlindungan mangsa perdagangan. Sebagai respons terhadap komen-komen yang diterima daripada ahli-ahli, Jawatankuasa Penggubal telah menyemak semula draf-draf dan menambah baik segala perubahan-perubahan utama serta saranan-saranan.

Panduan polisi ini bertujuan memberikan gambaran keseluruhan standard-standard antarabangsa dan serantau untuk pengenalpastian dan perlindungan mangsa-mangsa perdagangan, yang banyak bersandar pada amalan-amalan terbaik dari negara-negara ahli “Bali Process”. Selari dengan saranan-saranan Persidangan Menteri Kelima pada April 2013, panduan polisi ini merupakan set kedua Panduan Polisi “Bali Process” yang jatuh dalam tema “Bali Process” dan dalam isu-isu yang sangat penting kepada ahli-ahli “Bali Process”. Panduan ini berciri sukarela dan tidak terikat serta bertujuan untuk bertindak sebagai bahan rujukan bagi mana-mana agensi-agensi domestik di kalangan Negara-negara Ahli “Bali Process”.



Lisa Crawford
Pengurus Bersama RSO
(Australia)



Bebek A.K.N. Djundjuna
Pengurus Bersama RSO
(Indonesia)



Singkatan dan Ringkasan Perkataan

ASEAN	Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara
Bali Process	“Bali Process” - Penyeludupan dan Pemerdagangan Manusia, dan Jenayah Transnasional yang Berkenaan
ILO	Pertubuhan Buruh Antarabangsa
IOM	Pertubuhan Migrasi Antarabangsa
NGO	Pertubuhan Bukan Kerajaan
Organized Crime Convention	Konvensyen Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu terhadap Jenayah Terancang Transnasional
RSO	Pejabat Sokongan Serantau “Bali Process”
Trafficking in Persons Protocol	Protokol untuk Mencegah, Menyekat dan Menghukum Pemerdagangan Manusia, Terutamanya Wanita dan Kanak-kanak, untuk membantu Konvensyen Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu menangani Jenayah Terancang Transnasional
UN	Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu
UNODC	Jabatan Dadah dan Jenayah Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu

Kandungan

Ringkasan Eksekutif	2
Seksyen 1: Pengenalan kepada pengelpastian mangsa pemerdagangan	3
1.1. Siapakah mangsa pemerdagangan?	3
1.2. Definisi Pemerdagangan manusia	6
1.3. Memahami jenis-jenis eksploitasi	8
Seksyen 2: Tanggungjawab, kepentingan dan cabaran	12
2.1. Kenapa pengenalpastian adalah penting	12
2.2. Memahami sebab-sebab kenapa mangsa pemerdagangan mungkin enggan mengenalpasti diri	14
Seksyen 3: Proses pengenalpastian mangsa	17
3.1. Siapa yang boleh mengenalpasti mangsa perdagangan?	17
3.2. Proses-proses asas	19
3.3. Petunjuk-petunjuk jenayah pemerdagangan	22
Seksyen 4: Ringkasan tip-tip untuk mengenalpasti mangsa-mangsa pemerdagangan	29

Ringkasan Eksekutif

Mangsa pemerdagangan adalah seorang yang telah diperlakukan keatasnya jenayah “pemerdagangan orang perseorangan” seperti yang ditakrifkan dalam Protokol untuk Mencegah, Menyekat dan Menghukum Pemerdagangan Manusia, Terutamanya Wanita dan Kanak-kanak. Kegagalan untuk mengenalpasti mangsa-mangsa pemerdagangan akan menyebabkan mereka terus dieksplotasikan dan tidak berupaya memperoleh pertolongan dan perlindungan yang sepatutnya. Ianya juga boleh menyebabkan pihak berkuasa gagal memperoleh maklumat dan bukti yang diperlukan untuk membawa penjenayah pemerdagangan ke muka pengadilan. Oleh yang demikian, pengenalpastian merupakan suatu bahagian yang penting dalam proses pencegahan dan pendakwaan jenayah berat ini, dan untuk menolong serta melindungi mangsa-mangsanya.

Para pengamal lebih cenderung mengenalpasti mangsa-mangsa pemerdagangan apabila mereka memahami bagaimana pemerdagangan manusia ditakrifkan dari segi undang-undang, dan bentuk-bentuk eksploitasi yang berbeza yang mungkin dialami oleh mangsa-mangsa. Selaras dengan ini, Panduan Polisi menawarkan gambaran keseluruhan pemerdagangan manusia dan bentuk-bentuknya yang berbeza. Bagi Panduan ini, “pengenalpastian” mangsa pemerdagangan difahamkan dalam erti yang meluas. Ianya merangkumi proses tapisan awal yang pertama dan bantuan awal serta perlindungan yang diberikan apabila seseorang dianggap mangsa. Ianya melibatkan verifikasi status seseorang sebagai mangsa apabila ada bukti yang sah dan, dalam beberapa kes, pengesahan rasmi bahawa seseorang merupakan mangsa berikutan penghabisan proses jenayah.

Pengenalpastian seseorang mangsa adalah sememangnya sukar, oleh itu Panduan menggalakkan Negara-negara untuk meletakkan tahap pengenalpastian yang rendah dalam proses percubaan mengenalpasti seseorang sebagai mangsa. Ini amat berkesan dalam pertemuan pertama, sebelum pihak berkuasa mempunyai masa yang secukupnya untuk membina kepercayaan individu yang disyaki. Sebaik sahaja seseorang dianggap sebagai mangsa, mereka harus diberikan pertolongan dan perlindungan yang berse-suaian. Jika tanggapan ini dibuktikan sebagai tidak berasas kemudiannya, pertolongan dan perlindungan boleh diubahsuai berdasarkan keperluan atau ditarik balik.

Proses pengenalpastian boleh dibantu oleh penggunaan ‘petunjuk-petunjuk’ perdagangan sebagai titik permulaan untuk siasatan selanjutnya. Panduan ini menghasilkan senarai contoh petunjuk, termasuk yang berkaitan dengan pelbagai bentuk eksploitasi, yang boleh membantu para pengamal serta mereka yang bukan pakar untuk mengenalpasti mangsa-mangsa perdagangan. Negara-negara digalakkan mengemas-kini, mengubahsuai dan mempertimbangkan petunjuk-petunjuk ini untuk memberikan panduan dalam situasi yang mungkin dihadapi kepada pihak yang berkepentingan, termasuk yang bukan pakar.

Walaupun Negara-negara memikul tanggungjawab utama dalam pengenalpastian mangsa-mangsa pemerdagangan, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan serta bercorak kemasyarakatan sivil merupakan aset yang tidak ternilai dalam proses pengenalpastian, dan harus diberi sokongan padu dalam peranan penting yang mampu mereka mainkan dalam membina kepercayaan dan perhubungan antara mangsa dan pihak berkuasa. Pihak berkuasa barisan hadapan daripada Negara-negara termasuk para pegawai yang terlibat dalam penguatkuasaan undang-undang, sempadan, imigresen, kawalan buruh, dan perkhidmatan sosial harus dilatih dengan sewajarnya dan dilengkapi dengan kemahiran khusus yang diperlukan untuk mengenalpasti mereka-mereka yang dianggap mangsa dalam pendekatan yang mengambil kira perwatakan diri mereka serta juga menghormati privasi masing-masing. Ahli-ahli masyarakat perlu juga diberi kesedaran terhadap fenomena ini dan mengetahui cara-cara mengenalpasti dan merujuk mereka-mereka yang dianggap mangsa ke pihak berkuasa yang berkenaan.

Seksyen 1:

Pengenalan kepada pengenalanpastian mangsa perdagangan

1.1. Siapakah mangsa pemerdagangan?

Pemerdagangan manusia adalah perbuatan menyalahi undang-undang yang muncul dalam beberapa bentuk yang berbeza dan mempamerkan beberapa ciri-ciri yang berbeza merentasi kawasan. Lelaki, perempuan dan kanak-kanak dieksploitasikan dalam pelbagai industri termasuk pertanian, pembinaan, penjagaan dan hospitaliti, pembantu rumah, hiburan dan sukan, perhutanan, perikanan, perlombongan dan tekstil. Mereka boleh dieksploitasikan apabila mereka melepasi sempadan antarabangsa atau dalam negara mereka sendiri. Walaupun wujud banyak faktor yang menyebabkan manusia terdedah kepada pemerdagangan manusia, kumpulan yang paling berisiko adalah pendatang asing yang tidak didokumenkan, kumpulan minoriti etnik, serta kanak-kanak yang tidak diiringi orang dewasa atau penjaga. Faktor-faktor seperti kemiskinan, pengangguran, ketidakseimbangan gender, ketiadaan peluang-peluang pendidikan dan sumber-sumber serta ketiadaan pendaftaran kelahiran yang sistematik juga merupakan faktor yang menyumbang kepada perdagangan manusia.

Sesiapa sahaja boleh menjadi mangsa perdagangan, tidak kira umur, seks, jantina, orientasi seksual, kerakyatan, keturunan etnik atau asal usul sosial, kurang upaya, atau keadaan. Seseorang mangsa pemerdagangan merupakan, pada asasnya, seseorang yang menjadi mangsa jenayah perdagangan manusia. Seperti yang tertera di bawah Seksyen 1.2 *Protokol Untuk Mencegah, Menyekat dan Menghukum Pemerdagangan Manusia, Terutamanya Wanita dan Kanak-kanak*, (Protokol Pemerdagangan Manusia) memberi pentakrifan antarabangsa jenayah “mempemerdagangan manusia”.

Secara praktikal, bukan selalunya mudah mengenalpasti siapakah mangsa jenayah sebegini. Halangan-halangan termasuk cabaran komunikasi berkenaan bahasa atau budaya dan keengganan mangsa untuk bercakap dengan pihak berkuasa disebabkan perasaan takut atau tidak percaya terutamanya pada ketika pertemuan pertama. Berdasarkan pengalaman mereka, mereka mungkin tidak menganggap diri sebagai diperdagangkan atau dieksploitasikan. Ada yang bertanggungjawab bahawa mereka telah bersetuju menerima keadaan tersebut walaupun dalam paksaan, ugutan atau penipuan kerana mereka telah diperdagangkan. Berdasarkan ini dan sebab-sebab lain, ramai mangsa perdagangan tidak boleh dikenalpasti sama sekali.

lanya merupakan amalan yang baik untuk menganggap bahawa seseorang itu mangsa perdagangan di mana wujud sebarang syak wasangka yang beliau mungkin berada dalam situasi sebegini. Mengamalkan tanggapan tersebut bermakna jika wujud sebarang syak wasangka yang seseorang itu mungkin mangsa perdagangan, pihak berkuasa akan melayani beliau sebagai memerlukan bantuan dan perlindungan. Jika kemudiannya didapati bahawa dirinya bukan mangsa perdagangan, dan tidak memerlukan pertolongan dan perlindungan, sokongan sedemikian akan ditarik balik pada bila-bila sahaja. Seseorang yang menampil-

Tip: Memperkenalkan angapan yang menyokong layanan mangsa perdagangan yang disangka sebagai mangsa

Polisi-polisi negara untuk pengenalanpastian mangsa harus membenarkan pihak berkuasa yang mengesyaki bahawa seseorang adalah mangsa perdagangan bertindak atas tanggapan tersebut dengan melayaninya seolah-olah beliau adalah mangsa bagi tujuan memberi bantuan dan perlindungan awal.

¹ Sepanjang dokumen ini, istilah ‘pemerdagangan manusia’ digunakan untuk merujuk kepada ‘pemerdagangan orang’ seperti yang ditakrifkan dalam Artikel 3 daripada Protokol untuk Mencegah, Menyekat dan Menghukum Pemerdagangan Manusia, Terutamanya Wanita dan Kanak-kanak (Protokol Perdagangan Orang).

Tip: Tingkatkan kesedaran tentang jenayah yang berkaitan dengan perdagangan manusia

Mereka yang tidak dianggap sebagai mangsa perdagangan mungkin merupakan mangsa jenayah lain dan memerlukan tindakan-tindakan pertolongan dan perlindungan. Para pengamal yang bertanggungjawab mengenalpasti mangsa perdagangan harus diberi kesedaran tentang jenis-jenis jenayah dan harus dilengkapi agar dapat bertindak dengan sewajarnya.

kan tanda-tanda diperdagangkan mungkin juga mangsa jenayah jenis lain, misalnya serangan fizikal atau seksual, ataupun diculik. Jika didapati bahawa dirinya bukan mangsa perdagangan tetapi adalah mangsa jenayah lain, mangsa boleh diberikan perkhidmatan sokongan yang lebih sesuai. Mangsa-mangsa perdagangan boleh juga berada di luar negara asal mereka dan memiliki perasaan takut yang teramat sangat terhadap penindasan berasaskan sebab-sebab keturunan, agama, kerakyatan, keahlian dalam sesuatu kumpulan sosial tertentu atau pendapat politik. Dalam kes-kes sebegini mereka harus dirujuk ke proses suaka.

Mereka yang telah mengalami perdagangan manusia merupakan mangsa jenayah dan harus dilayan sedemikian oleh Negara-negara dan dilindungi dengan sewajarnya. Selain daripada menjadi mangsa jenayah, mangsa perdagangan mungkin juga mengalami penderaan hak asasi manusia, dan kemudaratan lain, termasuk kecederaan fizikal atau mental, kesengsaraan emosi, perasaan malu atau stigma, serta kerugian ekonomik.

Seseorang harus juga dianggap sebagai mangsa tidak kira sama ada si pelaku perdagangan dikenalpasti, ditangkap, didakwa atau disabit kesalahan, dan biarpun wujud pertalian kekeluargaan antara si mangsa dan si tertuduh perdagangan.

Jadual 1: Mitos dan reality dalam mengenalpastian mangsa?²

MITOS	REALITI	Untuk maklumat lanjut, sila rujuk:
Seseorang harus menyeberangi sempadan antarabangsa untuk dianggap sebagai mangsa perdagangan	Walaupun ramai orang diperdagangkan merentasi sempadan antarabangsa, perdagangan manusia boleh berlaku di dalam sempadan sesebuah negara. Fenomena yang dikenali sebagai perdagangan dalaman (atau domestik).	1.2 Definisi Perdagangan manusia
Hanya wanita dan kanak-kanak boleh menjadi mangsa perdagangan	Banyak kajian dan liputan media tentang perdagangan manusia tertumpu kepada wanita dan kanak-kanak. Namun, lelaki juga diperdagangkan dalam bermacam jenis eksploitasikan, terutamanya buruh paksa.	1.2. Definisi perdagangan manusia 1.3. Memahami jenis-jenis eksploitasi
Kesemua mangsa perdagangan diperdagangkan untuk eksploitasi seksual	Walaupun perdagangan untuk eksploitasi seksual merangkumi bahagian yang sangat besar dalam perdagangan, manusia diperdagangkan untuk tujuan-tujuan buruh paksa, penghambaan atau amalan yang serupa dengan penghambaan, pengkhadaman, pengeluaran organ dan jenis-jenis eksploitasi yang lain.	1.3. Memahami jenis-jenis eksploitasi

² Maklumat lanjut yang relevan kepada kenyataan-kenyataan yang dirujuk dalam jadual ini boleh ditemui di sumber berikut: *Laporan Global tentang Perdagangan Manusia*, UNODC:2014; *ILO Jangkaan Global Buruh Paksa 2012:Keputusan dan Kaedah*, ILO 2012 *Laporan Perdagangan Manusia ILO*, 2014; Kerajaan Amerika Syarikat, Jabatan Negeri, Pejabat Pemantauan dan Pembasmian Perdagangan Orang, 2014.

Semua orang yang bekerja dalam industri seks merupakan mangsa pemerdagangan	Walaupun pemerdagangan untuk tujuan eksploitasi seks merupakan salah satu daripada bentuk pemerdagangan manusia yang paling lazim dan mudah dilihat, mereka yang bekerja dalam industri seks tidak semestinya diperdagangkan. Kaedah-kaedah terlarang, seperti paksaan, ugutan atau penipuan juga boleh digunakan untuk memerangkap mangsa.	1.3. Memahami jenis-jenis eksploitasi 3.3. Petunjuk-petunjuk pemerdagangan
Kesemua imigran yang tidak didokumenkan adalah mangsa pemerdagangan. Para imigran dalam situasi yang lazim bukan mangsa pemerdagangan	Walaupun mangsa boleh dibawa secara tidak sah ke negara di mana mereka dieksploitasi, bukan kesemuanya yang memasuki sesuatu negara secara tidak sah akan dieksploitasi. Tambahan pula, mereka yang tiba atau menetap di sesebuah negara menerusi saluran yang sah boleh juga merupakan mangsa pemerdagangan.	1.2. Definisi Pemerdagangan Manusia 2.2. Memahami sebab-sebab mangsa pemerdagangan mungkin enggan mengenapasti diri 3.3. Petunjuk-petunjuk pemerdagangan
Mereka yang mengetahui atau nampak seperti telah memberi kebenaran untuk situasi mereka tidak boleh dianggap sebagai mangsa pemerdagangan	Biarpun seseorang menampakkan diri seperti menerima situasinya (misalnya pekerjaan) pada awalnya beliau masih boleh terjadi mangsa perdagangan. Persetujuan seorang kanak-kanak sentiasa dianggap sebagai tidak sah, dan persetujuan mangsa dewasa dianggap tidak sah jika kaedah yang dilarang seperti paksaan, ugutan dan penipuan telah digunakan untuk mendapatkan persetujuannya.	1.2. Definisi Pemerdagangan Manusia 3.3. Petunjuk-petunjuk pemerdagangan
Mereka yang mempunyai talian kekeluargaan, atau dalam perhubungan dengan pelaku perdagangan, tidak boleh dianggap mangsa perdagangan	Biasanya, mangsa akan diperdayakan atau dilatih dalam situasi pemerdagangan manusia oleh seorang kawan atau saudara keluarga. Perkahwinan dan perhubungan intim yang lain juga merupakan suatu kaedah yang digunakan oleh pelaku pemerdagangan untuk menguasai mangsa mereka. Kahwin paksa atau perkahwinan di mana satu pihak diperhambakan kepada pihak yang lain juga merupakan 'amalan yang serupa dengan perhambaan'. ³	3.3. Petunjuk-petunjuk pemerdagangan
Mereka yang percaya bahawa kehidupan mereka adalah lebih mudah atau lebih baik dari segi ekonomi tidak boleh dianggap sebagai mangsa perdagangan	Seseorang mungkin merupakan mangsa perdagangan biarpun mendapat gaji yang lebih dan/atau menjalani kehidupan yang lebih selesa berbanding dengan sebelum mereka diperdagangkan. Eksploitasi perlu dinilai secara objektif.	2.2. Memahami sebab-sebab mangsa pemerdagangan mungkin enggan mengenapasti diri 3.3. Petunjuk-petunjuk pemerdagangan

³ Istilah 'amalan-amalan yang serupa dengan perhambaan' ditakrifkan dalam *Konvensyen Tambahan untuk Pembasmian Perhambaan 1956, Perdagangan Hamba dan Institusi-institusi dan Amalan-amalan yang Serupa dengan Perhambaan* (Konvensyen Tambahan), seperti yang dibincangkan dalam seksyen 1.3.

1.2. Definisi Pemerdagangan Manusia

Salah satu daripada matlamat yang dinyatakan dalam Protokol Pemerdagangan Manusia adalah untuk melindungi dan membantu mangsa pemerdagangan, di mana hak asasi mereka dihormati dengan sepenuhnya.⁴ Matlamat ini mewujudkan keperluan implisit untuk Negara-negara agar mengenalpasti mangsa-mangsa pemerdagangan yang mungkin memerlukan pertolongan dan perlindungan tersebut. Pengenalpastian mangsa pemerdagangan memerlukan pihak berkuasa Negara-negara untuk memahami apakah pemerdagangan manusia berdasarkan pentakrifan jenayah tersebut dari segi undang-undang. Dalam undang-undang antarabangsa, takrif jenayah tersebut boleh ditemui dalam Artikel 3(a) Protokol Perdagangan Orang.

“Pemerdagangan Orang” adalah bermaksud pengambilan, pengangkutan, pemindahan, persembunyian atau penerimaan orang, melalui kaedah ugutan atau menggunakan kekerasan atau cara paksaan yang lain, penculikan, pemalsuan, penipuan, salah guna kuasa atau berada dalam kedudukan kelemahan atau pemberian atau penerimaan bayaran atau manfaat untuk mencapai persetujuan seseorang yang boleh mengawal seseorang yang lain, untuk tujuan eksploitasi. Eksploitasi harus merangkumi, pada minimumnya, eksploitasi pelacuran orang lain atau bentuk-bentuk lain eksploitasi seksual, buruh atau perkhidmatan paksa, perhambaan atau amalan-amalan yang serupa dengan perhambaan, pengkhadaman atau pengeluaran organ.

Gambar rajah 1 menggariskan tiga elemen yang harus wujud untuk jenayah pemerdagangan orang dewasa. Mana-mana satu elemen dari setiap ruangan diperlukan untuk memastikan bahawa pemerdagangan telah berlaku.

Gambar rajah 1: Elemen-elemen penting definisi antarabangsa pemerdagangan orang dari segi undang-undang:⁵



⁴ Rujuk Artikel 2(b) Protokol Perdagangan Orang.

⁵ Sumber: *Panduan Polisi Menjenayahkan Pemerdagangan Manusia, Bali Process, 2014, ms.5.*

Artikel 3(b) Protokol tersebut menentukan bahawa kebenaran dari mangsa akan menjadi tidak sah apabila mana-mana kaedah yang dinyatakan telah digunakan. Artikel 3(c) dan (d) menyatakan bahawa kaedah-kaedah yang dinyatakan tidak perlu dibuktikan dalam kes di mana mangsa adalah kanak-kanak berumur 18 tahun ke bawah.⁶ Protokol ini bukanlah instrumen antarabangsa yang melibatkan masalah perdagangan manusia, tetapi merupakan definisi paling menyeluruh pada masa ini dan merupakan instrumen asas antarabangsa yang digunakan oleh kerajaan-kerajaan negara untuk mentakrifkan jenayah dalam undang-undang nasional. Pentakrifan Artikel 3 telah membantu dalam menyeragamkan pemahaman bahawa lelaki dewasa dan kanak-kanak lelaki boleh juga menjadi mangsa perdagangan, dan bahawa 'eksploitasi' bukan sahaja merangkumi eksploitasi seksual tetapi bentuk-bentuk lain juga adalah eksploitasi.⁷ Senarai bentuk-bentuk eksploitasi yang dinyatakan dalam definisi adalah termasuk 'buruh atau perkhidmatan paksa' dan 'perhambaan serta amalan-amalan yang menyerupai perhambaan' yang ditakrifkan juga dalam undang-undang antarabangsa yang lain, serta juga 'pengkhadaman' dan 'pengeluaran organ'. Biarpun senarai ini menetapkan standard minimum untuk jenis-jenis amalan yang mesti dianggap sebagai bersifat eksploitasi, ianya tidak menyeluruh, yang memberi kelonggaran untuk mengubahsuai bentuk-bentuk baru eksploitasi.

Terdapat beberapa cara untuk mentafsir definisi antarabangsa pemerdagangan manusia. Beberapa pendekatan menganggap pemerdagangan manusia sebagai proses di mana mangsa dibawa untuk dieksploitasi ("pengambilan, pengangkutan, pemindahan, persembunyian dan penerimaan"), di mana eksploitasi wujud dengan sendirinya, manakala ada yang lain memahami jenayah itu sebagai merangkumi proses dan akibat ("pengeksploitasi"). Misalnya, suatu pentafsiran tegas ke atas definisi mencadangkan bahawa pergerakan tidak terhad kepada perdagangan, tetapi tanpa implikasi ke perdagangan, ianya menjadi lebih sukar untuk membezakan di antara pemerdagangan manusia daripada jenis pemerdagangan yang dinyatakan sebelum ini, misalnya buruh paksa, yang ditakrifkan di bahagian lain dalam undang-undang antarabangsa. Tambahan pula, bentuk-bentuk eksploitasi yang eksplisit yang terkandung dalam perundangan nasional berbeza antara Negara-negara.

Terdapat perbezaan di antara pemerdagangan manusia dan penyeludupan migran dalam undang-undang antarabangsa.⁸ Secara praktikal, terutamanya di mana pemerdagangan manusia terjadi secara transnasional, ianya mungkin sukar untuk membezakan mangsa pemerdagangan daripada migran yang tertakluk kepada operasi penyeludupan, terutamanya kerana seseorang itu mungkin merupakan kedua-duanya migran yang diseludup tanpa sengaja dan mangsa perdagangan.⁹ Migran-migran yang diseludup adalah sangat cenderung menjadi

Tip: Kenalpasti mangsa-mangsa yang disyaki di kalangan kumpulan yang lemah

Sebelum fasa pengeksploitasi, mangsa-mangsa pemerdagangan sangat sukar dikenalpasti. Negara-negara harus memastikan bahawa polisi-polisi mereka merangkumi peruntukan pengelakkan yang menyokong pihak berkuasa untuk mengelpasti mangsa-mangsa yang disyaki di kalangan mereka yang cenderung diperdagangan, termasuk migran-migran yang diseludup

⁶ Rujuk juga *Panduan Polisi ke atas Memperjenayahkan Pemerdagangan Manusia, Bali Process*, 2014, ms.4-5.

⁷ Walaupun perjanjian antara bangsa dalam 1904, 1910 dan 1933 menumpu kepada amalan menggerakkan wanita dan kanak-kanak perempuan merentasi sempadan antarabangsa untuk tujuan-tujuan pelacuran, dan Konvensyen untuk Pembasmian Pemerdagangan Manusia dan Eksploitasi Pelacuran Orang Lain 1949 tidak tertakluk hanya wanita dan kanak-kanak perempuan tetapi merangkumi "sesiapa", Protokol Palermo adalah instrumen antarabangsa yang pertama yang memberi fokus untuk merangkumi bentuk-bentuk eksploitasi yang tidak semestinya berkaitan dengan seks.

⁸ Penyeludupan migran bermaksud pemerolehan, untuk mendapatkan "manfaat kewangan atau memperoleh material yang lain, kemasukan seseorang secara haram dalam negara yang mana seseorang itu bukan rakyat atau penduduk tetap" menurut Artikel 3 Protokol menangani *Penyeludupan Migran melalui Darat, Laut atau Udara, membantu Konvensyen Bangsa-bangsa Bersatu melawan Jenayah Terancang Transnasional*.

⁹ Untuk perbincangan yang lebih terperinci tentang perbezaan dari segi undang-undang antara pemerdagangan manusia dan penyeludupan migran, rujuk *Panduan Polisi untuk Memperjenayahkan Pemerdagangan Manusia, Bali Process*, 2014, ms.8-9. Dan *Panduan Polisi untuk Memperjenayahkan Penyeludupan Migran, Bali Process*, 2014, ms.9-10.

mangsa pemerdagangan atau bentuk-bentuk eksploitasi yang lain dalam perjalanan ataupun apabila mereka tiba di negara destinasi. Pesalah mungkin melakukan kedua-dua jenayah ini dalam suatu operasi tunggal, menyeludup beberapa ahli dalam kumpulan dan memperdagangkan ahli-ahli yang lain. Walaupun migran yang diseludupkan memasuki perjanjian dengan penyeledup migran secara suka rela, mereka sangat cenderung menjadi mangsa pemerdagangan, eksploitasi dan jenayah-jenayah lain (termasuk paksaan, penderaan, serangan seksual, rogol atau penganiayaan). Keadaan perjalanan penyeledupan mungkin merupakan pilihan yang mereka buat pada awalnya untuk diseludup tidak lagi bermakna.¹⁰ Misalnya, situasi genting yang menyelubungi migran dalam perjalanan, menjadikan mereka lebih bergantung pada si penyeludup dan mereka tidak mempunyai pilihan lain selain meneruskan perjalanan, tanpa mengira keadaan yang harus mereka tempuhi. Bergantung kepada bila situasi itu dikesan, manusia yang ditemui mungkin dianggap sebagai migran yang diseludup dan bukannya mangsa pemerdagangan. Suatu tujuan pengeksploitasi diperlukan untuk memastikan bahawa jenayah pemerdagangan telah berlaku, tetapi ianya lebih mudah ditemui hanya bila eksploitasi telah berlaku. Pihak berkuasa harus mencari petunjuk-petunjuk pemerdagangan di kalangan migran yang diseludup untuk memastikan mangsa pemerdagangan dikenalpasti.

1.3. Memahami bentuk-bentuk eksploitasi

Kebanyakan daripada mangsa pemerdagangan dikenalpasti apabila mereka dieksploitasi, oleh itu ianya sangat penting untuk memahami eksploitasi dalam pelbagai bentuknya dan cara mereka ditakrifkan dari segi undang-undang antarabangsa. Bukti eksploitasi adalah sangat penting untuk menyokong pengesahan pemerdagangan. Di kebanyakan negara, tumpuan besar telah diberikan kepada pemerdagangan untuk tujuan eksploitasi seksual. Eksploitasi seksual, terutamanya oleh wanita dan kanak-kanak perempuan, merupakan masalah besar di serata dunia, tetapi ianya penting untuk memahami bentuk-bentuk lain eksploitasi.

Buruh atau perkhidmatan paksa

Menurut Konvensyen Buruh Paksa Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) 1930, “buruh atau perkhidmatan paksa” adalah “*semua kerja atau perkhidmatan yang diperolehi daripada seseorang di bawah ancaman apa jua hukuman dan di mana seseorang itu tidak menawarkan dirinya secara sukarela*”.¹¹ ‘Ancaman’ ditafsirkan untuk menyertakan paksaan fizikal dan psikologi oleh majikan,¹² misalnya tidak memberi peluang kepada pekerja untuk memperolehi kenaikan pangkat, pemindahan, pekerjaan baru ataupun perumahan.¹³

Buruh Kanak-kanak berbanding Pekerja Kanak-Kanak

Konvensyen tentang Usia Minimum untuk Kemasukan bekerja 1973 mentafsirkan buruh kanak-kanak sebagai sebarang kerja atau perkhidmatan yang dibuat oleh seseorang di bawah umur 18 tahun yang merbahaya kepada kesihatan dan keselamatan dirinya, menghalang pendidikan atau orientasi vokasional ataupun latihannya. Buruh kanak-kanak dibezakan daripada pekerja kanak-kanak, yang tidak mengkompromikan kesihatan atau keselamatan kanak-kanak, ataupun peluang pendidikan mereka

¹⁰ Protokol menangani Penyeludupan Migran melalui Darat, Laut atau Udara, (Protokol Penyeludupan Migran) mengandungi peruntukan perlindungan mandatori serupa dengan yang ditetapkan dalam Protokol Pemerdagangan Manusia.

¹¹ Pentakrifkan buruh paksa oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) ditegas semula dalam 2014 dengan pengambilan Protokol Konvensyen Buruh Paksa, Persidangan Buruh Antarabangsa, Teks Protokol Konvensyen Buruh Paksa, 1930, Rekod Sementara 9A, Sessi ke- 103, Geneva, 2014, Art. 1(3).

¹² ILO, Laporan Jawatankuasa Para Pakar tentang Aplikasi Konvensyen dan Saranan, Laporan Report III (Bahagian 1A), Pertubuhan Buruh Antarabangsa, Sessi 90th Session, Geneva, 2002, ms. 98.

¹³ Penghapusan buruh paksa, Kaji Selidik Am oleh Jawatankuasa Para Pakar tentang Aplikasi Konvensyen dan Saranan, ILC, Sessi ke-65, Geneva, 1979, para. 21 [selepas ini: Penghapusan buruh paksa, Kaji Selidik Am 1979]. Rujuk juga Pembasmian buruh paksa, Kaji selidik Am 2007, at para. 37.

Keadaan di mana terjadinya kerja yang ‘bukan sukarela’ juga adalah kritikal kepada pengenalpastian buruh paksa. Buruh dianggap paksa melainkan si pekerja telah memberi kebenarannya dengan rela dan boleh menarik balik kebenaran ini.

Perhambaan dan amalan-amalan yang berkaitan dengan perhambaan

Perhambaan dianggap sebagai bentuk eksploitasi manusia yang paling ekstrim. Kebebasan dari perhambaan merupakan salah satu daripada ciri baru undang-undang antarabangsa dari mana Negara-negara sama sekali tidak boleh ‘kurangkan’, maksudnya tidak akan wujud keadaan di mana Negara-negara boleh sekali-kali membenarkan perhambaan. Perhambaan pada pertama kalinya telah ditakrifkan dalam Konvensyen untuk Membasmi Perdagangan Hamba dan Perhambaan (dikenali sebagai ‘Konvensyen Perhambaan’) sebagai “*status atau keadaan seseorang di mana sebahagian atau kesemua kuasa yang terikat dengan hak pemilikan dikenakan*”.¹⁴ Pada asasnya, perhambaan berkaitan dengan perhambaan; ‘kuasa yang terikat dengan hak pemilikan’, yang menerangkan perhambaan tradisional masih dianggap sebagai asas perhambaan berbentuk kontemporari. Sebilangan daripada petunjuk-petunjuk perhambaan yang terkandung dalam Konvensyen Perhambaan mengandungi kuasa untuk menentukan nama, agama, tahap perkahwinan atau pasangan seksual mangsa, termasuk nasib anak-anaknya.¹⁵ Perhambaan boleh juga melibatkan perlakuan yang merendahkan kebolehan fizikal atau mental untuk menyara hidupnya.¹⁶

Tip: Mengenalpasti perhambaan

Perhambaan ditandakan dengan perhubungan di antara pelaku dan mangsa, dan bukannya keadaan situasi yang ada. Pihak berkuasa harus memahami yang seseorang dalam situasi perhambaan pada hakikatnya boleh hidup dalam kesejahteraan, tetapi tidak memiliki kuasa untuk membuat keputusan-keputusan yang asas.

Amalan-amalan yang menyerupai perhambaan dilarang oleh Konvensyen Penambahan tentang Pembasmian Perhambaan, Perdagangan Hamba, dan Institusi-institusi serta Amalan-amalan yang Menyerupai Perhambaan 1956 (Konvensyen Penambahan). ‘Institusi-institusi dan amalan-amalan yang menyerupai perhambaan’ Merujuk kepada pengeksploitasi perhubungan manusia, yang mempunyai aspek-aspek pemilikan dan dikekalkan tidak semestinya dengan kegunaan undang-undang, tetapi dengan kegunaan adat, tradisi, atau amalan sosial. Khususnya, Konvensyen Penambahan mengenalpasti institusi-institusi dan amalan-amalan yang menyerupai perhambaan:

- **Perhambaan hutang** (Artikel 1(a)), iaitu “*status atau keadaan yang timbul dari perjanjian si penghutang yang melibatkan perkhidmatan peribadinya atau seseorang di bawah kawalannya sebagai cagaran hutang, jikalau nilai perkhidmatan tersebut secara sewajarnya tidak dikenakan terhadap pencairan hutang atau tempoh dan ciri perkhidmatan-perkhidmatan tersebut tidak satu persatunya terhad dan ditakrifkan.*” Dengan kata lain, perhambaan hutang merujuk kepada situasi di mana seseorang memberikan perkhidmatan untuk membayar balik hutang yang tidak boleh ditebus.

Tip: Mengenalpasti

perhambaan hutang

Perhambaan hutang merupakan pengalaman yang biasa dialami oleh ramai mangsa pemerdagangan. Suatu situasi perhambaan hutang boleh dikenal dengan kewujudan hutang yang tidak dapat ditentukan dan tidak boleh dibayar dengan seberapa banyak pun kerja atau perkhidmatan. Kebanyakan bidang kuasa memahami perhambaan hutang dengan lebih luas, iaitu kewujudan situasi di mana buruh atau perkhidmatan diberikan untuk membayar balik hutang dalam situasi eksploitasi.

¹⁴ Konvensyen untuk Membasmi Perdagangan Hamba dan Perhambaan, Perjanjian Liga 60 Negara Siri, 25 September 1926, dikuatkuasakan pada 9 Mac 1927 (Konvensyen Perhambaan).

¹⁵ Contoh untuk rujukan, *Pendakwa Iwn Kunarac, Kovac and Vukovic*, Kes IT-96-23-T and IT-96-23/1-T, Tribunal Jenayah Antarabangsa untuk Mahkamah Rayuan Negara bekas Yugoslavia, 12 Jun 2002.

¹⁶ Contoh untuk rujukan, Garis panduan Bellagio-Harvard tentang Parameters Undang-undang tentang Perhambaan, Rangkaian Pengkajian atas, Parameters Undang-undang tentang Perhambaan 2012.

- **Diperhambakan** (Artikel 1(b)), merupakan *“keadaan atau status seseorang penghuni yang dari segi undang-undang, adat atau persetujuan terikat untuk menetap dan bekerja di tanah yang dipunyai orang lain untuk memberikan perkhidmatan yang telah ditentukan kepada si yang lain, sama ada untuk ganjaran atau tidak dan tidak bebas menukar statusnya”*.
- Sebarang institusi atau amalan (Artikel 1(c)) dimana;
 - “(i) Seorang wanita, tanpa hak untuk menolak, diperjanjikan atau diberi sebagai isteri di atas wang yang telah dipertimbangkan atau barangan kepada ibu bapanya, penjaga, keluarga ataupun individu atau kumpulan lain; atau
 - “(ii) Si suami kepada seorang wanita, keluarga atau puaknya memiliki hak untuk memindahkannya ke seseorang yang lain untuk nilai yang diterima atau selainnya; atau
 - “(iii) Seorang wanita pada kematian suaminya mungkin diwarisi orang lain”.

Tip: Mengenalpasti kahwin paksa

Sejak Konvensyen Penambahan tentang Perhambaan dikuatkuasakan, yang hanya mengenalpasti kahwin paksa yang melibatkan wanita, ianya diakui ramai bahawa kanak-kanak lelaki dan lelaki dewasa boleh juga dipaksa berkahwin. Untuk menangani kahwin paksa dalam kesemua bentuk, ianya dianggap amalan yang baik untuk memastikan bahawa undang-undang melarang kahwin paksa harus diaplikasi secara saksama, tidak kira jantina mangsa.

- **Penjualan kanak-kanak untuk dieksploitasikan** (Artikel 1(d)),¹⁷ di mana ibu bapa atau penjaga seseorang kanak-kanak membenarkan pihak ketiga mengeksploitasikan kanak-kanak tersebut untuk bekerja. Instrumen-instrumen terkini menawarkan pentaksiran yang lebih luas berbanding yang diberikan oleh Konvensyen Penambahan. Konvensyen ILO pada 1999 tentang Bentuk-bentuk Buruh Kanak-kanak yang Paling Teruk menambahkan pengambilan paksa atau dimestikan kanak-kanak untuk konflik bersenjata, bahan lucah, kegiatan haram seperti penghasilan dan pengedaran dadah, dan *“kerja yang, sifatnya atau keadaan ianya dilakukan, berkecenderung membahayakan kesihatan, keselamatan atau moral kanak-kanak”*.

Artikel 2(a) 2002 Protokol Pilihan Konvensyen tentang Hak Asasi Kanak-kanak ke atas Penjualan Kanak-kanak, Pelacuran Kanak-kanak dan Bahan Lucah Melibatkan Kanak-kanak secara luasnya mentakrifkan ‘penjualan kanak-kanak’ sebagai *“sebarang kelakuan atau transaksi di mana seseorang kanak-kanak dipindahkan oleh mana-mana orang atau kumpulan kepada yang lain untuk ganjaran atau pertimbangan yang lain”*.¹⁸

Tip: Mengenalpasti penjualan kanak-kanak untuk tujuan eksploitasi

Memandangkan penjualan kanak-kanak atau bayi tidak memerlukan kewujudan eksploitasi untuk terjadi selepas penjualan, Negara-negara harus mempertimbangkan perluasan konsep ini untuk menyertakan amalan-amalan seperti penjualan untuk dijadikan anak angkat dan perjanjian ibu tumpang secara komersial.¹⁹

¹⁷ Konsep ini, juga dikenali sebagai “perhambaan” mempunyai pentakrifan dalam undang-undang antarabangsa agar dapat menolong mengenalpasti situasi eksploitasi.

¹⁸ Protokol Pilihan kepada Konvensyen Penjualan Kanak-kanak, Pelacuran Kanak-kanak dan Bahan Lucah Kanak-kanak 2171 Perjanjian Siri 227 Bangsa-bangsa Bersatu 25 Mei 2000, dikuatkuasakan 18 Januari 2002, Art. 2 (a).

¹⁹ Rujuk dengan lebih mendalam Anne T. Gallagher, ‘Artikel 35’, dalam Phillip Alston and John Tobin, Komentari tentang Konvensyen ke atas Hak Asasi Kanak-kanak, dijangka, 2015. Rujuk juga perbincangan tentang anak angkat paksa/haram di 2.3, di bawah

Pengeluaran Organ

Perdagangan manusia untuk tujuan pengeluaran organ boleh terjadi dalam konteks perdagangan komersial organ untuk pemindahan kepada penderma berbayar, juga dalam konteks budaya dan adat yang mungkin melibatkan pengeluaran bahagian-bahagian badan di samping organ. Dalam beberapa Negara, undang-undang anti-perdagangan melampaui pengeluaran organ untuk menyertakan bahagian badan (untuk merangkumi amalan-amalan budaya dan adat), dan juga sel serta (untuk merangkumi situasi ibu/bapa tumpang komersial) Perdagangan untuk tujuan pengeluaran organ membangkitkan cabaran-cabaran pengenpastian yang unik, memandangkan perbuatan eksploitasi itu hanya berlaku sekali, berbeza dengan bentuk-bentuk eksploitasi yang lain yang mungkin melibatkan pembekalan buruh atau perkhidmatan yang berterusan.²⁰

Bentuk-bentuk eksploitasi yang lain

Negara-negara harus pada minimumnya memahami eksploitasi sebagai juga merangkumi bentuk-bentuk eksploitasi yang dirujuk secara khusus dalam Artikel 3 (a) Protokol Perdagangan Orang. Bentuk-bentuk eksploitasi yang lain yang diamalkan termasuk eksploitasi untuk dipaksa meminta sedekah dan kegiatan jenayah, termasuk penghasilan atau pengangkutan dadah dengan bertindak sebagai “keldai” dadah. Melampaui risiko pengesanan dan pendakwaan untuk jenayah berkaitan dadah, mangsa-mangsa diperdagangkan untuk menghasilkan atau membawa dadah pada ataupun di dalam badan mereka dan telah didedahkan kepada risiko yang tinggi dalam kehidupan dan keselamatan mereka.²¹

Tip: Kedudukan petunjuk spesifik untuk bentuk-bentuk eksploitasi yang lain

Negara-negara harus mempertimbangkan memberikan pihak kuasa petunjuk-petunjuk perdagangan yang cukup terperinci dan membenarkan pegawai respon pertama untuk mengenalpasti pelbagai bentuk eksploitasi. Dalam pemberian pertolongan dan perlindungan, bukti lanjut tentang elemen-elemen pentakrifan mungkin menjadi lebih nyata. Seksyen 3.3 menawarkan panduan asas untuk memperkembangkan petunjuk-petunjuk spesifik dan terperinci.

²⁰ Untuk maklumat lanjut tentang perdagangan untuk tujuan pengeluaran organ, sila rujuk contoh, Prinsip-Prinsip Panduan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) tentang Sel Manusia, Tisu dan Pemindahan Organ dan Deklarasi Istanbul, kedua-dua dapat diperolehi di <http://www.who.int/transplantation/en/>.

²¹ Kedua-dua bentuk tambahan ini telah dikenalpasti secara jelas dalam Arahan Perdagangan Kesatuan Eropah 2011/36/EU dengan ‘peminta sedekah paksa’ difahami sebagai suatu bentuk buruh atau perkhidmatan paksa seperti yang ditakrifkan oleh Konvensyen Buruh Paksa Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) dan eksploitasi kegiatan jenayah difahami untuk merangkumi pencopet, pencuri kedai, pengedar dadah dan kegiatan-kegiatan yang serupa dengannya yang tertakluk kepada hukuman dan mengimpilikasikan manfaat kewangan. Sila rujuk: Arahan 2011/36/EU Parlimen Eropah dan Majlis Kesatuan Eropah 5 April 2011, tentang pengelakan dan pembasmian perdagangan manusia dan melindungi mangsa-mangsanya, menggantikan Keputusan Rangka Kerja Majlis dalam pencegahan dan 2002/629/JHA, OJ L 101/1, 15 Apr. 2011 (Arahan Perdagangan EU 2011/36/EU), Artikel 2(3).

Seksyen 2:

Tanggungjawab, kepentingan dan cabaran

2.1. Mengapa pengenalpastian adalah penting

Tanpa pengenalpastian mangsa, Negara-negara tidak dapat mencapai secara berkesan objektif-objektif pencegahan, pendakwaan dan perlindungan yang dinyatakan dalam Protokol Pemerdagangan Manusia. Oleh itu, dengan menubuhkan polisi-polisi, program dan langkah-langkah anti-perdagangan komprehensif, perhatian khas harus diberikan kepada pengenalpastian mangsa sebagai komponen yang diperlukan untuk memenuhi tanggungjawab seperti yang dinyatakan dalam Protokol.

Proses pengenalpastian membawa kepada pengenalan status mangsa yang akhirnya akan membawa kepada, pemberian perkhidmatan pertolongan dan perlindungan dengan cepat, seperti perkhidmatan perubatan dan kesihatan yang lain, penginapan, makanan dan keperluan asas, kaunselling dan penjagaan psikososial, antara lain. Dalam beberapa Negara, pengesanan sebagai mangsa pemerdagangan melayakkan seseorang mendapat manfaat dan perkhidmatan tambahan, misalnya kerakyatan sementara atau tetap. Kegagalan untuk mengenalpasti mangsa perdagangan secara cepat dan tepat mungkin membawa kepada penderaan yang lanjut, eksploitasi, dan penafian hak asasi mereka, termasuk hak mereka untuk dibantu dan dilindungi. Lebih lama pengenalpastian memakan masa, lebih rumit pemulihan dan integrasi semula untuk si mangsa. Oleh sebab itu, pengenalpastian mangsa merupakan keperluan awal dalam langkah-langkah perlindungan.²²

Selain daripada memberi perlindungan kepada mangsa pemerdagangan, Negara-negara juga memiliki kepentingan lain dalam mengenalpasti mangsa pemerdagangan. Pengenalpastian mangsa merupakan kunci pengenalpastian jenayah dan rangkaian penjenayah yang bertanggungjawab. Dalam keadaan di mana mangsa telah dikenalpasti dan menerima perlindungan dan sokongan yang sepatutnya, mereka boleh menjadi saksi utama yang mampu menolong proses perundangan jenayah. Dalam keadaan di mana mangsa tidak dikenalpasti, rangkaian jenayah akan berterusan dengan sewenang-wenangnya dan bukti berharga boleh hilang. Jenayah terancang transnasional seperti pemerdagangan manusia boleh membawa kepada jenayah-jenayah lain, seperti pengubahan wang haram dan rasuah, untuk perkembangan dan merencatkan kemajuan ekonomi dan sosial. Negara-negara mempunyai kepentingan dalam menghalang dan menangani buruh paksa, yang boleh membawa kesa kepada pengurangan peluang pekerjaan dan gaji sekaligus memburukkan keadaan untuk pekerja-pekerja lain dalam negara itu. Oleh itu, membasmi pemerdagangan manusia merupakan kaedah penting untuk memastikan bukan sahaja keselamatan dan sekuriti individu, tetapi juga kesejahteraan masyarakat.²³

Jadual 2: Tanggungjawab, kepentingan dan tip-tip untuk pengenalpastian mangsa

Tanggungjawab	Kepentingan	Tips
Pencegahan	Pengenalpastian mangsa pemerdagangan adalah perlu untuk mengelakkan dan menghalang aktiviti pemerdagangan manusia.	Menambahkan pengenalpastian mangsa dalam strategi-strategi nasional termasuk mereka yang bertujuan membasmi perdagangan dan jenis-jenis jenayah yang seperti penyeledupan migran dan keganasan domestik.

²² Sila rujuk *Panduan Polisi untuk Melindungi Mangsa Pemerdagangan*, Bali Process, 2015.

²³ Sila rujuk *Panduan Polisi untuk Melindungi Mangsa Pemerdagangan*, seksyen 1.1, Bali Process, 2015.

	Pengenalpastian sebab-sebab asas perdagangan manusia dan individu ataupun kumpulan yang cenderung diperdagangkan adalah penting untuk pencegahan berdasarkan bukti. Data dan maklumat berkaitan yang dikumpul oleh pihak berkuasa yang berkenaan diperkuatkan apabila ianya diperoleh dari mangsa-mangsa yang dikenalpasti, termasuk: profil dan perwatakan pelaku, cara dan kaedah, laluan dan hubungan di antara dan sesama individu dan kumpulan, dan juga kaedah-kaedah yang mungkin digunakan untuk mengesan mereka.	Membina petunjuk-petunjuk berdasarkan sebab-sebab asas dan kecenderungan individu dan kumpulan tertentu kepada pemerdagangan untuk menyokong pencegahan pemerdagangan sebelum fasa eksploitasi berlaku. Gunakan data dan maklumat yang diperolehi melalui proses pengenalpastian sebagai asas untuk mengesan jurang-jurang dalam tindakbalas Kerajaan kepada pemerdagangan manusia, mengenalpasti pembinaan keupayaan dan keperluan latihan bagi Kerajaan yang berkenaan, dan membina polisi-polisi yang lebih baik, termasuk dalam kawasan buruh dan migrasi.
Penyelidikan dan pendakwaan	Usaha untuk menyelidik dan mendakwa pemerdagangan manusia diperkuatkan apabila para pengamal dilatih secara berkesan untuk mengenalpasti mangsa-mangsa dan mengumpul bukti yang berkenaan. Penyiasat dan pendakwa mendapatkan maklumat dari mangsa yang dikenalpasti tentang pemerdagangan manusia, pelaku pedagang dan jenayah-jenayah yang berkenaan yang mungkin terjadi.	Membina program-program latihan tentang pengenalpastian mangsa untuk petindak barisan hadapan, seperti penyiasat dan pendakwa untuk memastikan bahawa mereka memiliki pemahaman yang sama tentang elemen-elemen jenayah tersebut, bukti dan kebolehterimaan di mahkamah, kebiasaan untuk pengenalpastian dan pertimbangan khas, misalnya bekerja dengan mangsa/saksi yang mengalami trauma, mangsa-mangsa yang memiliki latar belakang budaya dan bahasa yang berbeza dan juga mangsa kanak-kanak. Membina suatu sistem untuk pengenalpastian mangsa secara proaktif, memastikan bahawa pelbagai petunjuk yang digunakan untuk merangkumi kedua-dua situasi perdagangan domestik dan antara bangsa dan kepelbagaian ciri mangsa yang mungkin (lelaki, wanita dan kanak-kanak) dalam kesemua bentuk eksploitasi.
Pertolongan dan perlindungan	Pengenalpastian mangsa pemerdagangan perlu untuk pemberian bantuan dan perlindungan dengan berkesan. Mangsa pemerdagangan yang menerima perlindungan dan pertolongan yang sesuai lebih mampu membantu dalam proses perundangan jenayah yang membolehkan pendakwaan pelaku	Rujuk mangsa ke agensi yang bertanggungjawab untuk memberikan pertolongan dan sokongan khusus, memastikan agar mangsa pemerdagangan yang disyaki tidak akan menghadapi halangan dalam mendapatkan bantuan dan perlindungan termasuk prosedur pengenalpastian yang berasingan daripada agenda pengurusan imigresen. Pastikan prosedur pengenalpastian formal merangkumi semua mangsa pemerdagangan, tidak kira umur, seks, jantina, orientasi seksual, kerakyatan, keturunan etnik atau asal usul sosial ataupun kurang upaya, berdasarkan undang-undang antarabangsa. Pastikan pemberi perkhidmatan menawarkan pertolongan yang menyeluruh, daripada perlindungan pada pertemuan pertama, sehingga ke sokongan dalam proses perundangan jenayah dan dalam pemulangan ke negara asal serta integrasi semula.

	perdagangan dan mengelakkan perdagangan manusia selajutnya.	Maklumkan semua mangsa tentang has asasi mereka ke atas pertolongan dan perlindungan serta pilihan-pilihan mereka untuk sokongan dalam jangka hayat proses perundangan jenayah terhadap pelaku perdagangan, dan memperkuat mereka untuk membuat keputusan selepas mendapat maklumat ini. Jaminan bahawa pengenpastian (bahawa perlindungan yang diterima sebagai akibatnya) tidak bergantung kepada kerja sama mangsa dengan pihak berkuasa
Kerja sama	Penglibatan pelbagai agensi dalam pengenpastian mangsa termasuk input formal daripada Pertubuhan Bukan Kerajaan yang khusus dan badan-badan lain yang berkenaan mampu memperkuat keberkesanan mekanisme pengenpastian, dan dengan itu memperkuat langkah-langkah mengelakkan, pendakwaan dan perlindungan.	Pastikan bahawa sistem pengenpastian merupakan proses kerjasama yang melibatkan pelbagai agensi dan pelbagai disiplin di antara badan-badan kerajaan, termasuk Pertubuhan Bukan Kerajaan yang khusus. Pastikan maklumat ditukar dengan kerap tentang amalan-amalan terkini dalam pemerdagangan serta teknik-teknik baru dan amalan-amalan terbaik dalam pengenpastian mangsa.

2.2. Memahami sebab-sebab mengapa mangsa keberatan untuk mengenalkan diri

Mangsa jarang mengenalkan diri sebagai mangsa pemerdagangan. Dalam kebanyakan kes, mangsa pemerdagangan akan lama-kelamaan bergantung kepada pelaku perdagangan, dan tidak menyedari ataupun mengakui bahawa mereka adalah mangsa. Ada pula yang menganggap pelaku perdagangan mereka sebagai dermawan yang telah membantu memperbaiki situasi diri mereka. Malahan, mereka mungkin mempunyai talian persaudaraan dengan pelaku perdagangan mereka. Misalnya, dalam konteks atau situasi kahwin paksa di mana kanak-kanak dijual untuk eksploitasi, si pesalah mungkin merupakan ibu bapa si mangsa atau ahli keluarga yang lain, menjadikan mangsa keberatan untuk berhadapan dengan pihak berkuasa. Perkara yang sama mungkin juga benar untuk bentuk-bentuk pemerdagangan dan eksploitasi yang lain di mana wujudnya perhubungan peribadi di antara mangsa dan pelaku perdagangan. Biar pun dalam keadaan di mana tiada perhubungan yang sedia ada, si mangsa mungkin menjalin hubungan peribadi dengan si pelaku perdagangan tanpa mengetahui bahawa hubungan ini merupakan salah satu cara untuk mengawal mereka.

Cabaran pengenpastian yang selanjutnya berpunca daripada tanggapan dan/atau kenyataan bahawa ramai mangsa memiliki kekurangan insentif untuk mengenalkan diri mereka kepada pihak berkuasa. Ini terutamanya berlaku dalam kes di mana mangsa pemerdagangan telah memasuki negara secara tidak sah; mereka takut dipulangkan ke negara asal disebabkan status mereka yang tidak sah. Mangsa-mangsa pemerdagangan yang lain, walaupun mengalami penderitaan berat di bawah kawalan pelaku perdagangan, lebih rela berada dalam situasi yang bersifat eksploitasi dan penderaan kerana bermacam-macam sebab. Misalnya, si mangsa mungkin mempunyai perhubungan yang terikat dengan pelaku perdagangan atau dengan pihak yang lain yang menetapkan mereka dalam situasi tersebut, atau mereka mungkin menganggap bahawa keadaan mereka merupakan pilihan yang lebih baik daripada pilihan-pilihan yang wujud kepada mereka. Pelaku perdagangan lazimnya mengambil kesempatan terhadap ketakutan dan kerisauan ini untuk mengawal mangsa mereka.

Cabaran-cabaran yang wujud dalam pengenpastian harus difahami dan dipertimbangkan apabila meng-

gubal dan mengimplikasi mekanisme pengenalanpastian. Peluang harus diberi kepada mereka-mereka yang dirujuk kepada prosedur yang bersesuaian pada mana-mana tahap proses, biarpun mereka tidak pada awalnya dikenalpasti sebagai mangsa perdagangan yang disyaki.

Ugutan tahanan dan pemulangan semula ke negara

Di mana mangsa adalah bukan rakyat, pelaku perdagangan lazimnya memberitahu mereka agar tidak mencuba mendapatkan pertolongan daripada pihak berkuasa kerana mereka akan diberkas, dipulangkan semula ke negara asal atau ditahan disebabkan oleh status imigresen mereka atau kegiatan haram yang timbul akibat situasi pemerdagangan mereka. Ini biasanya tidak benar, dan jikalau ianya benarpun, untuk sebilangan mangsa, pemulangan semula ke negara asal atau pemulangan ke komuniti asal tidak akan memperbaiki situasi mereka. Jikalau keadaan-keadaan yang menyebabkan seseorang itu cenderung diperdagangkan tidak berubah, mereka mungkin menghadapi risiko untuk terperangkap dalam situasi yang sama sekali lagi. Pihak perekrut yang meletakkan mereka dalam situasi perdagangan mungkin masih hadir, membawa kerisauan tentang keselamatan diri serta keluarga mereka.

Tip: Galakkan mangsa untuk tampil ke hadapan dengan menjawab kerisauan mereka tentang tahanan dan pemulangan semula ke negara asal mereka

Untuk menjawab kekhuatiran yang mungkin wujud di kalangan ramai mangsa tentang penahanan, langkah-langkah harus ditetapkan untuk memastikan bahawa para mangsa tidak disabitkan untuk kesalahan yang dilakukan sebagai akibat diri mereka diperdagangkan, termasuk sebarang kesalahan imigresen. Untuk menjawab kekhuatiran para mangsa terhadap pemulangan semula ke negara asal, rangkaian visa harus ditetapkan untuk membenarkan mangsa-mangsa pemerdagangan untuk terus menetap dalam negara destinasi untuk menerima pertolongan dan perlindungan.

Takut akan ugutan dan tindak balas daripada pelaku perdagangan

Sebilangan mangsa takut akan ugutan dan tindak balas daripada pelaku perdagangan apabila mereka mengenalkan diri sebagai mangsa pemerdagangan. Pelaku perdagangan biasanya mengugut untuk membahayakan si mangsa dan/atau ahli keluarganya. Ketakutan tentang kekurangan dalam sistem perundangan domestik untuk melindungi si mangsa dan keluarganya daripada tindak balas buruk boleh menghalang mangsa daripada tampil ke hadapan. Ketakutan ini diburukkan lagi di mana keluarga si mangsa berada di dalam bidang kuasa kawasan lain dan penguatkuasa perundangan jenayah di negara-negara lain diperlukan untuk memastikan perlindungan mereka.

Tip: Galakkan mangsa untuk tampil ke hadapan dengan melindungi diri serta keluarga mereka

Kerajaan harus mempertimbangkan penetapan langkah-langkah untuk memastikan perlindungan mangsa, saksi dan keluarga mereka dengan berkesan. Dalam keadaan di mana mereka yang perlu dilindungi berada di bawah Kerajaan yang lain, kerja sama dengan penguatkuasa perundangan jenayah dalam Kerajaan tersebut harus dicari atau jika sesuai, visa dan laluan imigresen harus disediakan untuk menawarkan perlindungan kepada mereka yang menghadapi risiko bahaya.

Perasaan malu dan takut dikenakan stigma

Di mana identiti, rahsia dan privasi mangsa serta keluarga mereka tidak dilindungi oleh program-program bantuan dan perlindungan mangsa, si mangsa mungkin takut bahawa pengenalan diri boleh membawa kepada perasaan malu, stigma dan pengasingan sosial. Si mangsa mungkin takut bahawa jika mereka mengaku yang diri mereka adalah mangsa, keluarga dan masyarakat mereka akan menganggap mereka sebagai kegagalan, (khususnya di mana si mangsa dieksplotasikan dalam perjalanan migrasi mereka) seterusnya menghalang kebolehan menyara keperluan keluarga mereka. Mangsa pemerdagangan lelaki telah didapati sebagai amat berat untuk mengakui bahawa mereka telah menjadi mangsa jenayah atau telah ditipu.

Tip: Galakkan mangsa agar tampil ke hadapan dengan melindungi mereka daripada stigma

Kerajaan-kerajaan harus memastikan bahawa program bantuan dan perlindungan mengambil kira perasaan malu dan stigma si mangsa dengan menyimpan rahsia maklumat mangsa, dan dengan bekerja sama dengan Pertubuhan Bukan Kerajaan, masyarakat dan si mangsa sendiri untuk memahami dan memenuhi keperluan dalam menggubal polisi-polisi perlindungan.

Seksyen 3:

Proses mengenalpastian mangsa

3.1. Siapa yang boleh mengenalpasti mangsa pemerdagangan?

Pengenalpastian mangsa pemerdagangan bukanlah sentiasa merupakan sesuatu kejadian yang mukta-mad dan hanya berlaku pada suatu ketika, tetapi lebih kepada proses yang mungkin melibatkan fasa-fasa berikut:

1. Imbasan awal yang mencadangkan bahawa seseorang itu mungkin adalah mangsa pemerdagangan. Ini boleh dibuat oleh sesiapa sahaja yang berhubung dengan mangsa yang disyaki, dan membawa kepada rujukan ke pihak berkuasa yang berkenaan.
2. Pengesyakan daripada pihak berkuasa yang berkenaan bahawa timbul petunjuk-petunjuk yang memadai untuk mencadangkan bahawa seseorang itu mungkin merupakan mangsa pemerdagangan, dan harus diberi akses kepada bantuan dan perlindungan awal.
3. Pengesahan oleh pihak berkuasa yang berkenaan bahawa seseorang itu merupakan mangsa pemerdagangan. Ini mungkin membawa kepada dirinya berhak menerima bantuan dan perlindungan yang lebih menyeluruh. Ianya juga boleh berlaku serentak dengan penyiasatan dan pendakwaan si pelaku perdagangan yang tertuduh.
4. Pengesahan muktamad yang seseorang itu merupakan mangsa jenayah perdagangan manusia, sebagai akibat sabitan kesalahan seseorang pelaku perdagangan. Fasa ini mungkin hanya berkenaan dalam bidang kuasa kawasan-kawasan tertentu, dan kenyataan bahawa jenayah “memperdagangkan manusia” tidak boleh didakwa dengan jayanya tidak bermakna yang seseorang itu bukan mangsa.

Pengenalpastian mangsa perdagangan boleh terjadi sebagai akibat penyiasatan reaktif berikutan laporan langsung daripada mangsa, keluarga atau orang lain. Pengenalpasti juga boleh berlaku secara proaktif, sebagai akibat polis atau penguatkuasa lain – misalnya kawalan sempadan dan pegawai bu-ruh – menjalankan penyiasatan dan dilengkapi untuk mengenalpasti mangsa pemerdagangan dalam tugas mereka. Mengenakan lebih usaha untuk mengenalpasti mangsa perdagangan secara proaktif lebih baik berbanding pergantungan sepenuhnya kepada pengenalpastian reaktif.

Sesiapa sahaja dalam masyarakat, termasuk saudara, kawan dan rakan sebaya, boleh memainkan peranan dalam pengenalpastian mangsa, khasnya dalam fasa imbasan awal. Badan bukan kerajaan termasuk pertubuhan kemasyarakatan sivil, pakar perubatan, kesatuan pekerja dan agensi pengambilan pekerja telah dibuktikan sebagai punca maklumat yang sangat penting dan boleh memainkan peranan penting dalam pengenalpastian dan merujuk mangsa perdagangan yang disyaki ke pihak berkuasa yang berkenaan.

Tip: Tingkatkan kesedaran awam tentang pemerdagangan manusia untuk memperbaiki pengenalpastian mangsa

Kerajaan-kerajaan harus memulakan dan menyokong kempen-kempen untuk meningkatkan kesedaran awam terhadap situasi perdagangan manusia. Sebaik-baiknya kempen-kempen tersebut harus menerangkan kepada kumpulan sasaran

- a) apa itu pemerdagangan manusia dan bagaimana rupanya
- b) tindakan-tindakan khusus yang boleh diambil oleh individu, terutamanya dari segi membekalkan maklumat untuk dirujuk kepada pihak berkuasa yang sesuai, termasuk maklumat melalui talian “hotline”.



Walaupun bagaimanapun, Kerajaan-kerajaan memiliki tanggungjawab yang utama dalam proses pengenalpastian. Pihak berkuasa termasuk penguatkuasa undang-undang (polis, pendakwa, pegawai kehakiman, pegawai imigresen dan kastam, serta inspektor buruh), pekerja perkhidmatan sosial, pentadbir tempatan, dan pegawai kedutaan dan konsular boleh juga memainkan peranan dalam pengenalpastian mangsa perdagangan.²⁴ Dalam kebanyakan Kerajaan-kerajaan, proses rasmi pengesyaan, verifikasi dan pengesahan dijalankan oleh pihak berkuasa yang berkenaan, untuk memastikan status seseorang sebagai mangsa perdagangan dan memberikan mereka akses kepada tahap bantuan dan perlindungan yang berkaitan. Dalam beberapa Negera, tanggungjawab untuk proses-proses ini diperuntukkan kepada pegawai penguatkuasa undang-undang, dan yang lain, kepada agensi Kerajaan yang bertanggungjawab untuk kebajikan sosial. Bagi Kerajaan lain, proses rasmi untuk pengenalpastian mangsa telah dipertanggungjawabkan kepada pakar-pakar yang bukan kerajaan. Kaki tangan konsular-konsular boleh juga memainkan peranan dalam pengenalpastian mangsa perdagangan

Tip: Memperkukuhkan kemampuan pihak-pihak berkepentingan yang berlainan dalam proses pengenalpastian

Perkenalkan garis panduan dan proses operasi yang jelas untuk menjelaskan jawatan dan tanggungjawab kumpulan gabungan pihak berkuasa Negara-negara dan badan-badan berkenaan lain dalam proses pengenalpastian mangsa perdagangan yang berkesan.

Tidak kira apa jua pendekatan sesebuah Kerajaan dalam pengenalpastian, latihan yang sesuai adalah sangat penting untuk pihak-pihak berkepentingan yang berkenaan agar dapat mengenalpasti mangsa perdagangan dengan cepat dan berkesan.²⁵ Garis panduan standard dan prosedur untuk pengenalpastian harus menghormati dan melindungi hak asasi mangsa perdagangan yang disyaki.²⁶

Tip: Berikan latihan pengenalpastian kepada mereka yang mungkin bertemu dengan mangsa perdagangan

Adalah penting untuk mengutamakan latihan para pegawai barisan hadapan dalam pengenalpastian mangsa perdagangan. Pertimbangan harus dibuat untuk pemberian latihan kepada guru, wartawan, pakar perubatan, pelaku sektor awam dan orang lain dalam komuniti yang mungkin bertemu mangsa perdagangan, untuk menyedari mereka tentang petunjuk-petunjuk yang mungkin mencadangkan bahawa seseorang itu adalah mangsa.

²⁴ Konvensyen Vienna tentang Perhubungan Konsular 1967 menggariskan peranan, hak dan tanggungjawab para pegawai konsular apabila menjalankan tugas mereka dalam menghantar dan menerima Kerajaan, sebilangan daripadanya yang relevan untuk membantu mangsa-mangsa perdagangan. Buku Panduan bagi Kakitangan Diplomatik dan Konsular tentang Bagaimana Membantu dan Memberi Perlindungan kepada Mangsa Perdagangan Manusia merupakan peralatan kerja yang berguna untuk kaki tangan konsular kerana ianya menggariskan petunjuk-petunjuk yang spesifik untuk diawasi apabila memproses permohonan visa. Sila rujuk : Buku Panduan bagi Kaki tangan Diplomatik dan Konsular tentang Bagaimana Membantu dan Memberi Perlindungan kepada Mangsa Perdagangan Manusia, Majlis Sekretariat Negara-negara Laut Baltic, 2011.

²⁵ (E/2002/68/Add.1), Pesuruh jaya Tinggi Hak Asasi Manusia Bangsa-bangsa Bersatu, Garis panduan 2: Pengenalpastian orang yang diperdagangkan dan Pelaku perdagangan. Garis panduan Guideline 2(3).

²⁶ Rujuk *Panduan Polisi tentang Melindungi Mangsa Perdagangan*, Bali Process, 2015, seksyen 3 dalam "Penyelarasan dan pendekatan pelbagai pihak berkepentingan".

3.2. Proses Asas

Setiap tahap proses pengenalpastian menawarkan peluang untuk penyaringan dengan pemerhatian dan interaksi, daripada pertemuan pertama sehingga pelaksanaan temuduga. Di setiap tahap proses pengenalpasti asas, pera pengamal harus mengambil kira keperluan bantuan dan perlindungan mangsa.²⁷ Kerajaan-kerajaan harus mempertimbangkan penggabungan prosedur pengenalpastian dalam proses perlindungan yang lebih luas untuk membenarkan rujukan-rujukan yang sesuai dibuat di mana perlindungan yang tertentu dikenalpasti (misalnya, di mana mangsa adalah kanak-kanak atau pemohon suaka).



A. Pertemuan pertama

Pada pertemuan pertama, matlamat utama adalah untuk mempertimbangkan sama ada seseorang itu merupakan mangsa perdagangan dan memerlukan bantuan dan perlindungan awal.

Penyaringan awal berlaku apabila seseorang yang disyaki mangsa ditemui sebagai hasil pemerhatian (perbualan dengan seseorang, kelakuan, penampilan dan keadaannya), maklumat yang diberikan dari pihak ketiga, atau menerusi pengenalan diri. Namun, mangsa pemerdagangan mungkin tidak boleh memperkenalkan diri untuk sebab-sebab yang dibincangkan dalam Seksyen 2.2 di atas.

Penyaringan awal pada ketika pertemuan pertama mungkin dihalang oleh cabaran komunikasi disebabkan oleh kesukaran akibat perbezaan bahasa dan budaya, termasuk isu berkaitan dengan jantina. Kesukaran-kesukaran ini boleh dijawab sebahagiannya dengan memastikan bahawa mereka yang mungkin bertembung dengan mangsa yang disyaki, memiliki kebolehan bahasa dan budaya atau latar belakang (atau akses yang sedia ada kepada mereka yang ada) untuk melengkapi mereka membuat penyaringan pada pertemuan pertama.

Apabila pengesahan tidak boleh dibuat secara muktamad, tanggapan bahawa seseorang itu adalah mangsa pemerdagangan harus dikenakan bagi membolehkan mereka mendapatkan akses kepada perkhidmatan bantuan dan perlindungan. Apabila mangsa pemerdagangan yang disyaki ditemui, mereka mungkin berada dalam bahaya yang tidak dapat dielakkan atau memerlukan rawatan perubatan dengan serta-merta. Keperluan untuk memastikan keselamatan mereka dengan segera merupakan keutamaan pada pertemuan pertama.²⁸ Mangsa yang disyaki perlu dirujuk kepada pemberi perkhidmatan khusus untuk penjagaan sosial, perubatan dan psikologi, serta penginapan yang selamat untuk memastikan bahawa mereka dilindungi daripada bahaya selanjutnya. Adalah sangat penting bagi privasi seseorang itu dilindungi, dan persetujuan mereka untuk menerima perkhidmatan bantuan dan perlindungan.²⁹

²⁷ Tambahan kepada maklumat yang diberikan di bawah, maklumat lanjut tentang perlindungan mangsa diberi dalam Panduan Polisi tentang Melindungi Mangsa Pemerdagangan.

²⁸ Sila rujuk Buku panduan IOM *Buku Panduan tentang Bantuan Secara Langsung untuk Mangsa Pemerdagangan*, IOM, 2005.

²⁹ Sila rujuk *Panduan Polisi tentang Melindungi Mangsa Pemerdagangan*, Bali Process, 2015.

Berkaitan dengan pengenalpastian mangsa kanak-kanak, adalah berguna untuk mengimplimentasikan prosedur bagi pengenalpastian segera dan pemberitahuan serta merta kepada pemberi perkhidmatan khusus kanak-kanak. Oleh kerana kanak-kanak mungkin tidak berupa seperti kanak-kanak dan/atau menipu tentang umur mereka, cara terbaik adalah untuk melayani seseorang yang mungkin merupakan kanak-kanak sebagai kanak-kanak, mengikut Konvensyen tentang Hak Asasi Kanak-kanak. Sama juga keadaannya di mana seseorang kanak-kanak mungkin merupakan mangsa pemerdagangan, dirinya harus dianggap sebagai mangsa sehingga suatu penentuan yang lain boleh dibuat.³⁰

Tip: Memperkukuhkan pengenalpastian mangsa perdagangan kanak-kanak

Penguatkuasaan prosedur-prosedur untuk pengenalpastian dengan segera mangsa perdagangan kanak-kanak yang disyaki dan pemberitahuan serta merta pemberi perkhidmatan khusus kanak-kanak, melalui pendekatan-pendekatan pengenalpastian yang memberikan kedua-duanya :

- **Tanggapan bawah umur**
- **Tanggapan status mangsa**

B. Temuduga Awal

Pihak berkuasa mungkin dapat membuat pengesahan bahawa seseorang itu adalah mangsa pemerdagangan yang disyaki semasa temuduga awal. Suatu objektif penting dalam temuduga awal adalah untuk menilai risiko dan menentukan keperluan bantuan dan perlindungan yang spesifik. Di tahap temuduga awal, seseorang harus dimaklumkan tentang tujuan, prosedur, dan akibat temuduga tersebut. Seseorang harus diberi maklumat yang jelas dalam bahasa yang beliau fahami, dengan menggunakan penterjemah yang berpengalaman, jika perlu.

Si penemuduga haruslah dilatih dengan baik untuk membina kepercayaan dan kemesraan dengan mangsa yang disyaki dan mewujudkan suatu keadaan yang membolehkan diri mangsa berada cukup selesa untuk berkomunikasi. Si penemuduga secara ideal seharusnya terlatih dalam memahami trauma dan cara mengelakkan mangsa mengalami trauma sekali lagi apabila ditemuduga. Para anggota pertubuhan sivil boleh menjadi aset penting untuk bekerja dengan mangsa pemerdagangan dan pihak berkuasa untuk membina kepercayaan dan kemesraan antara mereka. Beberapa Kerajaan menggunakan satu soal selidik untuk memberi panduan dalam temuduga pertama.³¹ Penemuduga juga perlu mendapatkan kemahiran-kemahiran yang bersesuaian untuk menjawab cabaran-cabaran yang dibawa oleh bahasa serta budaya yang berbeza, dan menggunakan teknik temuduga yang bersesuaian dengan perwatakan peribadi si ditemuduga.

- **Berkenaan pertimbangan bahasa:** Si penemuduga akan dibantu oleh senarai penterjemah-penterjemah yang sedia ada yang boleh membantu apabila diberi notis dengan cepat, memberi pertimbangan kepada kesan perbezaan linguistik, etnik dan budaya dalam membina kepercayaan dan kemesraan. Para penterjemah harus bersifat tidak berat sebelah, diberitahu dengan jelas tentang peranan mereka dan isu-isu lain serta dilatih dengan sesuainya. Peranan penterjemah dalam proses temuduga harus diterangkan kepada mangsa disyaki.

³⁰ Panduan Perundangan 5; Panduan UNICEF Guidelines tentang Perlindungan Mangsa Perdagangan Kanak-Kanak, Ulasan ke atas Prinsip dan Panduan OHCHR tentang Hak Asasi dan Perdagangan Manusia, OHCHR, 2010, ms.162-164.

³¹ Misalnya, Panduan Serantau untuk Pengenalpastian Awal dan Mekanisme Rujukan untuk Populasi Migran Dalam Situasi Lemah (dibentangkan oleh Costa Rica disediakan bersama dengan El Salvador, Guatemala, Honduras dan Nicaragua, dengan sokongan IOM dan UNHCR, dibentangkan kepada Kumpulan Konsulatatif Migrasi Serantau (RCGM) daripada Persidangan Migrasi Serantau (RCM) dalam Jun 2012), ms.11.

- **Berkenaan pertimbangan jantina dan umur:** ianya sering lebih baik apabila seseorang ditemuduga oleh, atau dengan kehadiran, mereka dari jantina yang sama. Kanak-kanak (atau mereka yang mungkin berupa kanak-kanak) harus dilantik seorang penjaga yang bersesuaian (misalnya, jika mereka tidak diiringi) dan hanya ditemuduga oleh mereka yang terlatih untuk bekerja dengan kanak-kanak..
- **Berkenaan dengan pertimbangan kebudayaan:** ianya mungkin atau tidak mungkin lebih baik jika si pemuduga itu datang dari komuniti dan latar belakang yang sama dengan si ditemuduga. Walaupun dirinya boleh merasa lebih selesa dengan seseorang dari budaya yang sama, dalam beberapa kes di mana komuniti terlibat atau dirinya rela dieksploitasikan, si mangsa mungkin berada dalam risiko yang tinggi untuk ditemuduga oleh seseorang dalam komunitinya.

Memastikan apa yang sesuai untuk sesuatu temuduga memerlukan perundingan dengan si ditemuduga tentang pilihannya setakat yang mungkin dan sesuai.

Tip: Menyokong kegunaan teknik temuduga yang sensitif kepada mangsa

Pastikan setiap orang yang menjalankan temuduga dilengkapi dengan kemahiran yang bersesuaian untuk memberi perhatian kepada pertimbangan-pertimbangan bahasa, jantina, umur dan budaya. Setakat yang boleh, runding dengan mereka yang ditemuduga secara individu tentang pilihan mereka dan membuat penyesuaian untuk menampung pilihan mereka setakat yang bersesuaian.

Dalam menjalankan temuduga awal, ada beberapa pertimbangan penting, tidak kira status atau perwatakan seseorang. Misalnya, adalah berguna jika proses pengenalpastian untuk memasukkan prosedur untuk menerima dan mempertimbangkan tuntutan daripada mangsa yang mungkin memerlukan suaka.³² Pihak berkuasa suaka (atau UNHCR dalam beberapa negara di mana tiada sistem suaka nasional) perlu mengambil penentuan status pelarian bagi mereka yang memberikan sebarang petunjuk semasa proses pengenalpastian mangsa yang diri mereka mungkin menghadapi risiko pendakwaan atau bahaya yang serius dalam negara asal mereka. Pada masa yang sama, pihak berkuasa anti-pemerdagangan harus menyaring pemohon suaka dan pelarian yang menunjukkan tanda-tanda yang mereka mungkin merupakan mangsa pemerdagangan. Mekanisme rujukan yang sesuai harus ditubuhkan untuk membenarkan rujukan individu yang berhasrat memohon perlindungan antarabangsa sebagai pelarian kepada pihak berkuasa suaka, dan untuk rujukan pemohon-suaka dan pelarian yang mungkin merupakan mangsa pemerdagangan ke pihak berkuasa anti-pemerdagangan yang sesuai. Dalam kedua-dua situasi, pihak berkuasa harus memastikan yang sebarang hubungan dengan pihak berkuasa dari negara asal tidak akan membahayakan mereka yang mungkin merupakan pemohon suaka atau pelarian.

Tip: Pastikan prosedur pengenalpastian membenarkan rujukan yang sesuai bagi pemohon suaka

Kerajaan-kerajaan harus tidak menghubungi perwakilan diplomatik negara asal untuk pengenalpastian apabila seseorang telah memohon untuk suaka, atau ada sebab untuk dipercayai bahawa seseorang itu merupakan pelarian.

³² Sila rujuk Artikel 14 Protokol Perdagangan Orang. Rujuk juga Prinsip dan Garis panduan yang Disarankan tentang Hak Asasi dan Perdagangan Manusia. (E/2002/68/Add.1), Pesuruhjaya Tinggi Bangsa-bangsa Bersatu untuk Hak Asasi, Manusia, Garis panduan. 2(7).

C. Temuduga Rasmi

Temuduga rasmi memberikan peluang untuk mengemaskinikan perkhidmatan bantuan dan perlindungan yang diberikan, atas dasar bahawa keperluan spesifik mungkin dikenalpasti. Ianya merupakan amalan terbaik bagi pihak berkuasa untuk memberikan mangsa “tempoh berfikir” untuk membantu mereka sembuh secukupnya daripada pengalaman pahit mereka untuk memberi bukti dalam proses temuduga rasmi.³³ Bergantung kepada keadaan dan keperluan seseorang mangsa individu atau mangsa pemerdagangan yang disyaki, temuduga rasmi mungkin berlaku sebelum atau selepas tempoh berfikir bermula, di mana apabila mangsa yang mungkin berupaya menyumbang selepas menerima bantuan dan perlindungan awal.

Setelah perkhidmatan bantuan dan perlindungan diberi, temuduga lanjut mungkin memenuhi objektif-objektif penyiasatan atau pendakwa. Maklumat boleh dikumpul untuk tujuan memastikan sama ada seseorang itu adalah mangsa pemerdagangan. Seseorang harus memberikan persetujuan untuk ditemuduga, untuk dirakam video atau suara semasa temuduga, dan harus memahami tujuan serta implikasi temuduga.³⁴ Temuduga serta sebarang transkrip atau rakaman harus disimpan rahsia untuk melindungi si ditemuduga dan privasinya. Penemuduga harus khasnya dilatih untuk memahami sebab-sebab mengapa keterangan mangsa mungkin berubah, dan harus membiasakan diri untuk bekerja dengan orang dari pelbagai umur, yang bertutur bahasa yang berlainan, yang datang daripada pelbagai budaya, dan yang mungkin telah menghadapi trauma.³⁵

Di tahap proses ini, si mangsa mungkin akan membuat kenyataan. Bukti yang lain harus juga dikumpul pada tahap ini untuk mengenalpasti fakta-fakta yang berkenaan atau maklumat untuk menyokong kenyataan mangsa. Pelan perlindungan yang ditetapkan untuk individu mungkin boleh dirujuk semula atas dasar maklumat yang diterima dalam temuduga. Rujukan dari pemberi perkhidmatan yang khusus mungkin diperlukan.

Seperti yang dibincangkan dalam Seksyen 2.2 di atas, mangsa-mangsa memang berat untuk dipercayai pihak berkuasa. Menemuduga mangsa mungkin mencabar, dan memerlukan kepekaan dan kesabaran untuk mengelakkan daripada mengakibatkan tekanan emosi yang lebih dan kebimbangan kepada mangsa. Penemuduga harus menumpu pada pembinaan kepercayaan dan keyakinan. Di mana mungkin, penemuduga harus mengelakkan mangsa mengingatkan pengalaman yang mungkin membawa trauma, rasa malu dan/atau melemahkan mereka, atau menyebabkan mereka kurang keyakinan diri dalam membuat keputusan selepas diberitahu segala maklumat. Berbuat demikian mungkin membawa kepada lebih kemunduran kepada mangsa, menghalang pengumpulan maklumat, dan menghalang mangsa daripada kerjasama yang berterusan dengan proses perundangan jenayah.

3.3. Petunjuk-petunjuk pemerdagangan

Di kebanyakan Negara, set-set standard ‘petunjuk’ digunakan untuk mengenalpasti situasi pemerdagangan yang disyaki. Petunjuk-petunjuk sedemikian boleh menjadi alat untuk melatih dan membina kapasiti untuk pihak berkepentingan yang spesifik (misalnya, profesional perubatan serta polis, imigresen dan pegawai kastam), dan mungkin berkaitan dengan aspek tertentu situasi pemerdagangan yang mungkin (misalnya, penggunaan kaedah oleh si pelaku perdagangan untuk mendapati kerelaan mangsa), atau sesuatu bentuk eksploitasi (misalnya, buruh paksa). Secara praktiknya, memandangkan bahawa kebanyakan mangsa pemerdagangan dikenalpasti apabila mereka sedang dieksploitasikan, petunjuk-petunjuk berkenaan yang berkait dengan fasa eksploitasi dianggap sebagai lebih dipercayai.

³³ Untuk maklumat lanjut tentang tempoh berfikir, sila rujuk Panduan Polisi tentang Melindungi Mangsa Pemerdagangan, Bali Process, 2015.

³⁴ Amnya, kanak-kanak tidak boleh memberi kebenaran yang sah dari segi undang-undang. Prosedur-prosedur untuk mendapatkan kebenaran ibu bapa atau penjaga perlu ditentukan sebelum memulakan sebarang temuduga dengan kanak-kanak.

³⁵ Sila rujuk *Manual Anti Pemerdagangan untuk Pengamal Perundangan Jenayah*, Modul 8: Menemuduga mangsa pemerdagangan yang mungkin menjadi saksi. UNODC, 2009.

Tip: Pertimbangkan memberi kewajaran kepada petunjuk

Kerajaan-kerajaan harus mempertimbangkan pemberian kewajaran kepada petunjuk-petunjuk untuk membantu mereka yang bertanggung jawab mengenalpasti mangsa untuk memberi ketutamaan kepada jenis maklumat yang tertentu. Pendekatan yang diambil oleh ILO dan Suruhanjaya Eropah melayakkan setiap petunjuk sebagai kuat, sederhana atau dengan penentuan bahawa satu petunjuk mungkin kuat untuk kanak-kanak dan lemah untuk orang dewasa, atau kuat untuk eksploitasi seksual dan lemah untuk eksploitasi buruh.

Walaubagaimanapun, had yang sedia ada untuk petunjuk-petunjuk perlu selalunya dipertimbangkan. Disebabkan cara yang berlainan manusia diperdagangkan, dan konteks-konteks lain di mana mereka dieksploitasi, sesetengah petunjuk akan selalunya mencadangkan perdagangan dengan lebih kuat berbanding dengan petunjuk yang lain. Dengan kata lain, apa yang mungkin merupakan petunjuk yang nyata dalam sesuatu kes pemerdagangan mungkin tiada sama sekali atau tidak berkenaan dalam kes yang lain. Misalnya, seseorang yang bekerja berjam-jam dalam sehari untuk gaji yang terhad di bawah pengawal yang bersenjata merupakan petunjuk pemerdagangan yang lebih kuat jika berbanding dengan kanak-kanak dibawa merentasi sempadan tanpa pasport. Terdapat petunjuk yang mencadangkan jenayah atau senario, dan kehadiran atau ketidakhadiran sebarang petunjuk tidak menentukan sama ada perdagangan sedang dijalankan.³⁶ Suatu lagi halangan adalah si pelaku perdagangan boleh membuat penyesuaian kepada petunjuk dan boleh bertindak dengan sewajarnya, misalnya, dengan memberikan si mangsa akses kepada dokumen-dokumen perjalanan dan pengenalan mereka supaya tidak membangkitkan syak wasangka di kalangan pihak berkuasa. Memandangkan halangan ini wujud, penggunaan gabungan beberapa “jenis” petunjuk akan memberikan lebih maklumat berbanding dengan pergantungan kepada satu jenis. Tambahan pula, petunjuk bukannya bukti pemerdagangan, tetapi boleh digunakan untuk mewajarkan sesuatu tanggapan untuk kebaikan mangsa untuk tujuan bantuan dan perlindungan.

Senarai berikut yang tidak lengkap menyatakan petunjuk-petunjuk contoh diberikan bersebelahan dengan jenis-jenis eksplotasi disenaraikan dalam Protokol Perdagangan Orang, and perlu dilihat dari konteks had-had di atas. Memandangkan bahawa senarai tersebut tidak lengkap, petunjuk bentuk-bentuk eksplotasi yang lain makin sering ditemui juga ditetapkan di bawah. ‘Orang’ yang dirujuk dalam petunjuk di bawah adalah mangsa perdagangan yang disyaki, bukannya pelaku perdagangan yang mungkin.

Tip: Bentukkan petunjuk berdasarkan konteks

Senarai petunjuk adalah paling berkesan apabila mereka diadaptasikan kepada situasi spesifik yang ditemui pihak berkuasa dalam menjalankan tugas mereka. Kerajaan-kerajaan secara ideal harus mengemaskinikan senarai petunjuk mereka dari masa ke semasa untuk memastikan yang mereka sentiasa berkaitan dengan pola perdagangan yang berubah.

Petunjuk-petunjuk utama eksploitasi

Petunjuk di bawah boleh diaplikasikan kepada sebarang bentuk pemerdagangan. Sebilangan petunjuk akan menunjukkan tanda-tanda eksploitasi dan selebihnya akan menggambarkan kuasa yang dikenakan ke atas mangsa yang disyaki:

- Seseorang dipaksa/dikenakan kekerasan untuk memasuki atau terus berada dalam sesuatu keadaan

³⁶ Sila rujuk *Manual Anti-pemerdagangan untuk pengamal perundangan jenayah*, UNODC/UN.GIFT, 2009, Modul 2. Sila juga rujuk *Mekasnisme Rujukan Nasional; Buku Panduan Praktikal*, 2004, ms.61.

- Seseorang ditipu tentang keadaan/lokasi situasi
- Hari atau jam bekerja seseorang adalah berlebihan
- Situasi hidup atau kerja seseorang adalah tidak berperkemanusiaan dan/atau dalam penghinaan
- Seseorang adalah di bawah kuasa/banyak bergantung kepada orang lain
- Seseorang tertakluk kepada ugutan atau kegunaan kekerasan
- Seseorang berada dalam situasi yang tidak bersesuaian dengan umurnya

Petunjuk-petunjuk utama eksploitasi yang spesifik

Petunjuk-petunjuk berikut adalah berkaitan dengan bentuk eksploitasi yang spesifik yang tersenarai dalam Protokol Perdagangan Orang. Memandangkan bahawa senarai tersebut tidak lengkap, petunjuk bentuk-bentuk eksplotasi yang lain yang sering ditemui juga ditetapkan seperti di bawah.

Eksplotasi pelacuran orang lain dan bentuk eksploitasi seksual yang lain

Seperti yang ditentukan dalam Jadual 1 (Seksyen 1.1), bukan kesemua orang yang bekerja dalam industri seks adalah mangsa perdagangan. Petunjuk-petunjuk di bawah mungkin berguna untuk mereka yang disyaki mangsa perdagangan:

- Seseorang tidak boleh menolak pekhidmatan kepada pelanggan, untuk melakukan perbuatan seksual yang spesifik atau menjalani hubungan seks tanpa perlindungan
- Seseorang tidak menerima wang daripada pelanggan sendiri/menerima hanya sebahagian kecil daripada bayaran yang diberi oleh pelanggan kepada majikan atau pengantara
- Seseorang dipaksa/dikenakan kekerasan menggunakan atau tidak menggunakan jenis pencegah kehamilan yang spesifik
- Seseorang dipaksa/dikenakan kekerasan untuk menerima pemeriksaan perubatan/kehamilan
- Seseorang itu di bawah umur

Perdagangan untuk tujuan pengeluaran organ

Petunjuk-petunjuk yang berikutnya sangat berkaitan dalam situasi di mana organ akan dikeluarkan atau akan dikeluarkan untuk pemindahan dalam konteks perubatan. Petunjuk ini adalah kurang relevan untuk pengeluaran organ untuk tujuan-tujuan kebudayaan atau adat:

- Seseorang dipaksa/dikenakan kekerasan supaya bersetuju organ dikeluarkan
- Seseorang ditipu tentang prosedur yang terlibat atau pampasan yang akan diterima untuk pengeluaran organ
- Seseorang tidak tahu di mana atau bila prosedur pemindahan organ akan berlaku
- Seseorang tidak memahami prosedur dan risiko-risiko yang berkaitan dengan pemindahan
- Kemungkinan ada pihak ketiga yang bertindak sebagai pelaku
- Wujud petunjuk bahawa penerima yang dipilih berniat untuk pergi ke luar negara dengan orang tersebut

Pemerdagangan untuk perhambaan domestik

- Seseorang menerima makanan yang rendah kualiti/tidak mencapai standard dan menunjukkan tanda-tanda kekurangan zat makanan
- Seseorang bekerja untuk masa yang berlebihan
- Seseorang tidak mempunyai ruangan peribadi, atau ruangan peribadinya tidak mencukupi
- Seseorang dihadkan atau tidak diberi interaksi sosial dan/atau tidak sama sekali meninggalkan rumah tanpa majikan

- Seseorang tertakluk kepada penghinaan, penderaan, ugutan, keganasan dan/atau serangan
- Seseorang membayar yuran pengambilan kerja
- Seseorang itu di bawah umur

Perdagangan untuk tujuan kahwin paksa, perkahwinan yang berupa perhambaan dan perkahwinan awal

- Wang tunai atau “hadiah” diberi kepada pihak ketiga untuk wujudkan perkahwinan tersebut
- Suatu kontrak kahwin dirunding oleh orang selain daripada pihak yang berkahwin dan/atau tanpa penglibatan atau persetujuan mereka
- Seseorang dipaksa dalam situasi buruh, perhambaan domestik atau eksploitasi seksual
- Seseorang itu telah menerima/akan menerima ujian kedaraan
- Saudara seseorang dipaksa untuk berkahwin
- Seseorang menunjukkan tanda-tanda kemurungan, mencederakan diri, pengasingan sosial atau penyalahgunaan bahan yang menghayalkan
- Wujud tanda-tanda masalah rumahtangga, keganasan atau penderaan
- Seseorang itu di bawah umur

Perdagangan untuk tujuan eksploitasi dalam meminta sedekah dan kegiatan jenayah

- Seseorang dihukum sekiranya tidak mengumpul atau mencuri dengan secukupnya
- Seseorang menginap dengan orang lain yang melakukan kegiatan yang sama
- Seseorang tidak memahami tujuan aktiviti atau sifatnya yang haram
- Seseorang itu di bawah umur, tua atau kurang upaya

Petunjuk-petunjuk di atas adalah berkaitan dengan bentuk eksploitasi yang spesifik, yang mungkin berkenaan dengan yang berikut, yang mungkin boleh diaplikasikan kepada semua bentuk eksploitasi.

Cabaran-cabaran dalam Pengenalpastian Mangsa Perdagangan yang Dieksploitasikan dalam Kegiatan Jenayah

Mereka yang dieksploitasikan dalam kegiatan jenayah mungkin salah dikenalpasti sebagai penjenayah dan bukannya mangsa pemerdagangan. Untuk mengurangkan risiko ini, pihak berkuasa harus dilatih dengan secukupnya dalam penggunaan ‘kaedah’ oleh pelaku perdagangan untuk menguasai seseorang atau meletakkannya dalam situasi yang membolehkan eksploitasi dan bahawa kebenaran mangsa untuk dieksploitasi adalah tidak relevan.

Penggunaan ‘kaedah’ oleh pelaku perdagangan yang disyaki

‘Kaedah’ yang ditentukan dalam Protokol Pemerdagangan Manusia merupakan petunjuk-petunjuk pemerdagangan. Biar pun penggunaan ‘kaedah’ tidak merupakan unsur dalam kesalahan perdagangan di bawah Protokol tersebut apabila mangsa adalah kanak-kanak, penggunaan mereka masih boleh menandakan pemerdagangan atau eksploitasi yang berkaitan. Kaedah boleh digunakan dalam mana-mana tahap proses pemerdagangan daripada pengambilan, pengangkutan, pemindahan, menyembunyi atau menerima seseorang, menerusi kawalan terhadap mereka dalam fasa eksploitasi, dan boleh digunakan untuk meletakkan mangsa dalam sebarang bentuk eksploitasi. Walaupun kegunaan beberapa ‘kaedah’ adalah senang secara bandingan untuk dikenalpasti (misalnya kegunaan kekerasan) kadangkala ‘kaedah’ yang digunakan lebih halus dan sukar ditentukan (misalnya, salah guna kuasa atau suatu kedudukan kelemahan).

Senarai berikut yang tidak lengkap menyatakan petunjuk-petunjuk pemerdagangan yang mungkin untuk menolong dalam penentuan unsur intipati dalam kesalahan pemerdagangan:

Ugutan

- Seseorang (atau keluarga, rakan dan masyarakatnya) diugut
- Seseorang (atau keluarga, rakan dan masyarakatnya) diugut dengan menggunakan kekerasan
- Seseorang diugut dengan merendahkan kualiti dalam keadaan hidup atau kerja mereka
- Seseorang diugut yang mereka akan diserahkan kepada pihak berkuasa
- Seseorang diugut dengan menggunakan kekerasan

Penggunaan kekerasan

- Seseorang menunjukkan tanda-tanda kecederaan fizikal
- Seseorang menunjukkan tanda-tanda ketidaksejahteraan mental dan psikologi
- Seseorang menunjukkan tanda-tanda serangan seksual dan/atau rogol

Paksaan

- Seseorang mempunyai masalah keluarga atau ekonomi
- Seseorang mempunyai sejarah jenayah atau dikenali pihak berkuasa
- Seseorang mempunyai status migrasi yang tidak sah/tidak didokumenkan
- Dokumen, wang atau milikan lain seseorang telah dirampas
- Seseorang telah memasuki perkiraan hutang yang tidak adil
- Seseorang diasingkan, tidak dibenarkan keluar, dan/atau di bawah pemerhatian atau pengawasan
- Kepercayaan kebudayaan atau keagamaan telah dimanipulasikan

Penculikan

Pemalsuan/Penipuan (palsu, tidak tepat, tidak lengkap atau maklumat yang mengelirukan) berkenaan dengan:

- Proses migrasi seseorang atau peluang-peluang (termasuk destinasi)
- Syarat-syarat perjalanan dan pengambilan seseorang
- Syarat-syarat kerja seseorang termasuk: jenis, gaji, upah, pendapatan
- Akses seseorang kepada peluang-peluang pendidikan
- Keadaan perumahan dan lokasi atau keadaan kehidupan seseorang
- Kesahihan dokumen, status migrasi, kerja atau kontrak seseorang
- Undang-undang, tanggapan atau kelakuan pihak berkuasa berkaitan dengan seseorang itu
- Peluang seseorang itu bersatu semula dengan keluarga, perkahwinan dan anak angkat

Salah guna kuasa atau kedudukan yang lemah,³⁷ melalui penyalahgunaan:

- Pergantungan ekonomik, psikologi atau emosi seseorang, atau perhubungan dengan pelaku eksploitasi/majikan/ahli keluarga
- Perhubungan intim atau emosi dengan pelaku eksploitasi/majikan/ahli keluarga/orang yang lain
- Dokumen dan/atau status migrasi seseorang

³⁷ Lihat Protokol *Salah Guna Kedudukan yang Lemah dan 'kaedah-kaedah' lain dalam definisi perdagangan orang*, UNODC, 2012 dan Nota Panduan tentang 'salah guna kuasa di atas kedudukan yang lemah' sebagai suatu kaedah memperdagangkan orang dalam Artikel 3 *Protokol untuk Mencegah, Membasmi dan Menghukum Perdagangan Orang Terutamanya Wanita dan Kanak-kanak, sebagai penambahan kepada Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu menentang Jenayah Terancang Transnasional*, UNODC, 2012.

- Pengasingan sosial, budaya atau linguistik seseorang
- Pengangguran atau keadaan ekonomi seseorang yang hidup melarat
- Kurang upaya mental dan fizikal seseorang
- Umur seseorang (tua atau muda), seks, jantina, orientasi seksual, kewarganegaraan, asal usul etnik atau sosial, dan kurang upaya
- Kepercayaan kebudayaan atau agama seseorang, adat atau amalan
- Pergantungan atau penagihan seseorang kepada dadah dan alkohol

Pemberian atau penerimaan bayaran dan manfaat untuk mendapatkan kebenaran seseorang atau memperoleh kuasa ke atas seseorang yang lain:

- Seseorang diletakkan dalam sesuatu situasi melalui bayaran yuran, mas kahwin atau pemberian atau penerimaan hadiah kepada pihak ketiga

Cara mangsa yang disyaki membuat perjalanan ke, atau terus berada dalam Negara Asing

Dalam situasi di mana seseorang disyaki mangsa pemerdagangan transnasional cara mangsa yang disyaki membuat perjalanan ke, atau memasuki, atau terus berada dalam Negara asing mungkin memberi maklumat kepada situasinya sebagai mangsa pemerdagangan yang disyaki::

- Dokumen perjalanan atau pengenalan seseorang dibawa/dikemukakan oleh pihak ketiga
- Agensi pengambilan kerja dan/atau perjalanan tidak berdaftar dan/atau tidak mematuhi syarat/mengenakan yuran yang tinggi kepada pekerja
- Visa kemasukan tidak boleh digunakan dan/atau tujuan perjalanan tidak bersesuaian dengan maklumat lain (misalnya, kekurangan wang untuk jangka masa lawatan mereka, keadaan fizikal si pendatang, atau pekerjaan yang dinyatakan)
- Bagasi seseorang tidak bersesuaian dengan kenyataan si yang melakukan perjalanan (misalnya, kualiti atau jenis bagasi, beg kecil untuk jangka masa dirancang yang panjang atau beg besar untuk jangka masa dirancang yang pendek)
- Seseorang membuat perjalanan dengan sekumpulan orang lain yang dirinya seolah-olah tidak mengenali
- Seseorang mempunyai dokumen pengenalan, kerja dan/atau perjalanan yang palsu dan/atau maklumat yang diberikan oleh mereka yang membuat perjalanan tidak boleh dipercayai
- Seseorang itu keliru tentang laluan, destinasi atau tujuan perjalanannya
- Seseorang berada dalam situasi migrasi/kependudukan yang tidak sah (termasuk yang disebabkan oleh rampasan kertas pengenalan atau diberhentikan dari kerja)

Keadaan fizikal mangsa yang disyaki

Ramai mangsa pemerdagangan mengalami kemudaratan mental dan fizikal yang teramat sangat sepanjang diri mereka diperdagangkan. Keadaan fizikal seseorang apabila ditemui boleh memberikan maklumat sama ada dirinya merupakan mangsa perdagangan. Namun, adalah penting untuk mengambil kira bahawa ramai mangsa pemerdagangan tidak mengenalkan diri mereka sebagai mangsa dan mungkin merasa bahagia dalam situasi mereka.³⁸ Ketetapan seseorang ke atas kepuashatian diri dengan situasi sendirinya mungkin membuktikan betapa berkesannya pelaku perdagangan telah memanipulasikannya.

Keadaan psikologi dan tanda-tanda kelakuan:

- Seseorang berupa resah, murung, tunduk patuh, takut, tertekan, gementar, serba takut
- Seseorang enggan bertentang mata
- Seseorang berat bercakap atau berbincang tentang kecederaannya

³⁸ Sila rujuk seksyen 2.2.

Tanda-tanda fizikal layanan buruk dan/atau pengabaian:

- Seseorang menunjukkan tanda-tanda keganasan fizikal
- Seseorang menunjukkan tanda-tanda penagihan/ pergantungan/penggunaan dadah atau arak
- Seseorang menunjukkan tanda-tanda kekurangan zat makanan, atau keadaan fizikal yang lain disebabkan kekurangan makanan, air, tidur, penjagaan perubatan atau keperluan hidup lain
- Seseorang menunjukkan tanda-tanda kekurangan kebersihan diri disebabkan ketiadaan akses kepada kemudahan mandi dan/atau kebersihan diri

Keadaan tempat di mana mangsa disyaki didapati tinggal dan/atau bekerja

Petunjuk tentang keadaan tempat tinggal dan/atau pekerjaan berkenaan eksploitasi mangsa perdagangan. Mangsa yang disyaki mungkin ditemui dalam pelbagai industri dan konteks, termasuk industri seks serta kerja domestik, penjagaan kanak-kanak, perkhidmatan kesihatan, penjagaan orang tua, sukan, hiburan, hospitaliti, pembinaan, perhutanan, perikanan, perlombongan, pertanian, dan tekstil. Petunjuk-petunjuk di bawah boleh diaplikasi pada kesemua konteks di mana mangsa yang disyaki boleh ditemui tinggal dan/atau bekerja.

Gaji dan kontrak:

- Seseorang dilarang daripada memiliki dan/atau memindahkan pendapatan dan simpanan
- Seseorang menerima sedikit bayaran atau tiada sama sekali untuk kerja atau bayaran gajinya ditunda
- Seseorang dibayar kurang berbanding upah atau gaji yang dijanjikan
- Penolakan yang berlebihan dibuat daripada gaji seseorang, termasuk untuk membayar hutang kepada majikan/agen pengambilan kerja
- Seseorang dinafikan manfaat dan perlindungan sosial yang merupakan hak mereka di bawah undang-undang
- Seseorang tidak mendatangi kontrak atau syarat-syarat kontrak tidak dituruti
- Jika seseorang dikerah menandatangani kontrak baru apabila tiba di Negara dan/atau memulakan kerja
- Majikan tidak dapat menunjukkan bukti pembayaran upah kepada pekerja
- Seseorang diberhentikan kerja tanpa sebab, notis dan/atau manfaat

Kesihatan dan keselamatan di tempat kerja:

- Seseorang tidak diberikan pakaian dan peralatan keselamatan yang sesuai, atau tidak diajar menggunakan pakaian dan peralatan
- Seseorang dinafikan akses kepada penjagaan perubatan
- Seseorang bekerja untuk masa yang sangat lama dalam sehari/pada waktu luar biasa
- Seseorang mempunyai masa beristirahat yang sedikit atau tiada sama sekali
- Seseorang tertakluk kepada hukuman/denda untuk kegagalan mencapai kuota

Sekatan dalam pergerakan dan kemudahan di bawah standard:

- Seseorang menunjukkan tanda-tanda sekatan fizikal atau disimpan dalam tempat kerja atau lokasi yang lain (contohnya tingkap yang disekat/dihalang, pintu dikunci dari luar, kawat berduri, kamera sekuriti)
- Seseorang itu tidur di tempat kerjanya
- Seseorang dinafikan akses kepada kaedah berkomunikasi
- Seseorang tidak memiliki dokumen pengenalan dirinya, dan/atau dokumen tersebut dirampas oleh majikan atau orang lain³⁹

³⁹ Untuk keterangan lanjut dan sumber tentang petunjuk-petunjuk, sila lihat Matriks Sumber.

Seksyen 4:

Ringkasan tip-tip untuk mengenalpasti mangsa pemerdagangan

- ✓ **Perkenalkan pengesyakan berbanding dengan melayani mereka yang disyaki sebagai mangsa:** Polisi-polisi Kerajaan harus membenarkan pihak berkuasa untuk mengesyaki bahawa seseorang merupakan mangsa perdagangan untuk bertindak ke atas pengesyakan tersebut dengan melayani seseorang itu sebagai mangsa untuk tujuan memberi bantuan dan perlindungan awal.
- ✓ **Tingkatkan kesedaran terhadap jenayah-jenayah yang berkenaan dengan perdagangan manusia:** Mereka yang tidak dianggap mangsa perdagangan mungkin merupakan mangsa jenayah lain dan memerlukan tindakan-tindakan bantuan dan perlindungan. Pengamal yang bertanggungjawab untuk mengenal pasti mangsa perdagangan perlu diberi kesedaran terhadap jenayah-jenayah yang berkaitan supaya mereka diperlengkapkan untuk bertindak dengan sewajarnya.
- ✓ **Pengenalpastian mangsa perdagangan di kalangan kumpulan yang lemah:** Sebelum fasa eksploitasi, mangsa perdagangan yang disyaki adalah sangat sukar dikenalpasti. Kerajaan-kerajaan harus memastikan yang polisi-polisi mereka juga mengandungi peruntukan pencegahan yang menyokong pihak berkuasa dalam pengenalpastian mangsa yang disyaki di kalangan mereka yang cenderung diperdagangkan termasuk migran yang diseludup.
- ✓ **Mengenalpasti perhambaan:** Perhambaan dicirikan oleh perhubungan yang wujud di antara pelaku dan mangsanya, dan bukan oleh keadaan situasi tersebut. Pihak berkuasa harus memahami bahawa seseorang dalam situasi perhambaan boleh pada hakikatnya hidup dalam keselesaan, tetapi tidak mempunyai kuasa untuk membuat keputusan-keputusan penting.
- ✓ **Mengenalpasti ikatan hutang:** Ikatan hutang merupakan pengalaman biasa ramai mangsa pemerdagangan. Sesuatu situasi ikatan hutang boleh dikenalpasti oleh kewujudan hutang yang tidak boleh ditentukan dan tidak boleh ditebus oleh sebarang jumlah kerja atau perkhidmatan. Banyak kawasan memahami ikatan hutang dengan lebih meluas, sebagai situasi di mana kerja atau perkhidmatan diberikan untuk membayar balik hutang di bawah keadaan-keadaan yang bersifat eksploitasi.
- ✓ **Pengenalpastian kahwin paksa:** Sejak Konvensyen Penambahan tentang perhambaan dikuatkuasa, yang hanya mengenalpasti kahwin paksa yang melibatkan wanita, ianya telah luas diterima yang dalam praktiknya, kanak-kanak lelaki dan lelaki dewasa boleh juga dipaksa berkahwin. Untuk mencegah kahwin paksa dalam semua bentuk, adalah berguna untuk mengikuti amalan Kerajaan-kerajaan dalam memastikan undang-undang yang menghalang kahwin paksa adalah sama diaplikasi tidak kira jantina pihak-pihak yang terlibat.
- ✓ **Pengenalpastian penjualan kanak-kanak untuk eksploitasi:** Disebabkan penjualan kanak-kanak atau bayi tidak memerlukan eksploitasi berlaku selepas jualan, Kerajaan-kerajaan harus mempertimbangkan perluasan konsep ini untuk merangkumi juga perbuatan seperti jualan untuk dijadikan anak angkat dan persetujuan ibu tumpang komersial .



- ✓ **Tentukan petunjuk yang spesifik untuk bentuk-bentuk eksploitasi yang berlainan:** Kerajaan-kerajaan harus mempertimbangkan memberikan latihan kepada pe-tindak pertama tentang petunjuk pemerdagangan yang cukup terperinci dan spesifik untuk membolehkan pihak berkuasa untuk mengenali bentuk-bentuk eksploitasi yang berbeza. Dalam pemberian bantuan dan perlindungan, bukti yang lebih lanjut tentang unsur-unsur pentakrifan menjadi lebih jelas. Seksyen 3.3 menawarkan asas untuk memperkembangkan petunjuk-petunjuk yang spesifik dan terperinci.
- ✓ **Galakkan mangsa untuk tampil ke hadapan dengan menjawab kira kebimbangan mereka tentang penahanan dan pemulangan semula ke negara asal:** Untuk menjawab ketakutan yang mungkin mereka hadapi tentang penahanan, langkah-langkah harus dikuatkuasakan untuk memastikan agar mangsa tidak diper-jenayahkan untuk kesalahan-kesalahan yang telah mereka lakukan sebagai akibat mereka diperdagangkan, termasuk kesalahan imigresen. Untuk menjawab ketakutan mangsa tentang dipulangkan ke negara asal, rangkaian laluan visa harus dikuatkuasakan untuk membolehkan mangsa-mangsa pemerdagangan menetap di negara destinasi untuk menerima sokongan dan bantuan.
- ✓ **Galakkan mangsa untuk tampil ke hadapan dengan melindungi diri mereka dan keluarga mereka:** Kerajaan-kerajaan harus mempertimbangkan penguatkuasaan langkah-langkah untuk memastikan mangsa, saksi dan keluarga si mangsa diberi pe-lindungan secara berkesan. Di mana mereka yang memerlukan perlindungan berada di Negara lain, kerjasama harus dicari dengan pengamal undang-undang jenayah di Negara-negara tersebut atau jika bersesuaian, laluan visa dan imigresen harus di-bolehkan untuk menawarkan perlindungan kepada mereka yang berada dalam risiko bahaya.
- ✓ **Galakkan mangsa untuk tampil ke hadapan dengan melindungi mereka dari-pada tanggapan stigma:** Kerajaan-kerajaan harus memastikan bahawa program bantuan dan perlindungan perlu mengambil kira ketakutan mangsa terhadap rasa malu dan stigma dengan memastikan kerahsiaan maklumat, dan bekerja dengan Per-tubuhan Bukan Kerajaan, komuniti dan mangsa sendiri untuk memahami dan men-jawab kekhuatiran mereka dalam menggubal polisi perlindungan.
- ✓ **Tingkatkan kesedaran awam terhadap pemerdagangan manusia untuk memperbaiki pengenalan mangsa:** Kerajaan-kerajaan harus memulakan dan men-yokong kempen-kempen untuk meningkatkan kesedaran awam terhadap situasi per-dagangan yang mungkin mereka temui. Sebaik-baiknya, kempen-kempen tersebut harus memberi tumpuan kepada penerangan yang berikut kepada kumpulan sasaran a) apa itu pemerdagangan manusia dan apakah yang dinampakkan olehnya b) tinda-kan spesifik yang boleh diambil oleh individu, dan pemberian maklumat untuk dirujuk kepada pihak berkuasa yang sesuai, termasuk maklumat dalam talian 'hotline'
- ✓ **Memperkuatkan kemampuan pelbagai pihak berkepentingan yang terlibat dalam pengenalpastian:** Perkenalkan garis panduan serta prosedur operasi yang jelas untuk menerangkan peranan dan tanggungjawab pergabungan besar pihak berkuasa Kerajaan dan anggota-anggota lain yang berkenaan dalam proses pen-genalpastian yang berkesan.

- ✓ **Pemberian latihan pengenalpastian kepada mereka yang mungkin bertembung dengan mangsa perdagangan:** Adalah penting untuk memberi keutamaan kepada latihan pegawai barisan hadapan dalam pengelpastian mangsa perdagangan. Pertimbangan harus juga diberikan kepada latihan untuk guru, wartawan, pakar perubatan, ahli-ahli dari sektor swasta dan orang lain dalam komuniti yang mungkin bertembung dengan mangsa perdagangan, dan melengkapi mereka dengan pengetahuan terhadap petunjuk-petunjuk untuk memainkan peranan dalam pengenalpastian mangsa.
- ✓ **Memperkuhkan pengenalpastian mangsa pemerdagangan kanak-kanak:** Menguatkuasakan prosedur-prosedur untuk pengenalpastian cepat mangsa perdagangan kanak-kanak yang disyaki dan pemberitahuan segera kepada pemberi perkhidmatan kanak-kanak yang khusus, menerusi pendekatan pengenalpastian yang memberikan kedua-duanya yang berikut:
 - Tanggapan mangsa di bawah umur, dan
 - Tanggapan status mangsa disyaki
- ✓ **Beri sokongan kepada teknik temuduga yang sensitif kepada mangsa:** Pastikan mereka yang menjalankan temuduga dilengkapi dengan kemahiran yang berseesuaian untuk mengambil kira pertimbangan-pertimbangan berkaitan dengan bahasa, jantina, umur dan budaya. Setakat yang mungkin, rundingan dengan mereka yang ditemuduga secara satu-persatu tentang pilihan mereka, dan sejauh mana mereka mampu menampung pilihan tersebut.
- ✓ **Pastikan bahawa prosedur pengenalpastian membolehkan rujukan yang berseesuaian bagi pemohon suaka:** Kerajaan-kerajaan tidak seharusnya berhubung dengan perwakilan diplomatik negara asal untuk pengenalpastian di mana seseorang telah memohon untuk suaka atau wujud sebab untuk dipercayai bahawa seseorang itu merupakan pelarian.
- ✓ **Pertimbangkan kewajaran petunjuk:** Kerajaan-kerajaan harus mempertimbangkan kewajaran kepada petunjuk-petunjuk untuk membantu mereka yang bertanggungjawab dalam pengenalpastian mangsa untuk mengutamakan beberapa jenis maklumat. Pendekatan yang diambil oleh ILO dan Pesuruhjaya Eropah melayakkan setiap petunjuk sebagai kuat, sederhana atau lemah, dengan peruntukkan bahawa suatu petunjuk mungkin cukup kuat bagi kanak-kanak sementara sederhana untuk orang dewasa, atau kuat untuk eksploitasi seksual dan lemah untuk eksploitasi buruh.
- ✓ **Gubal petunjuk mengikut kesesuaian:** Senarai petunjuk adalah paling berkesan apabila mereka diubahsuai kepada situasi spesifik yang dihadapi pihak berkuasa sepanjang tugas mereka. Secara idealnya, Kerajaan-kerajaan harus mengemaskini senarai petunjuk dari semasa ke semasa, untuk memastikan mereka terus relevan kepada amalan pemerdagangan yang berlaku.

**Hubungi****Pejabat Sokongan Serantau - The Bali Process**

27th Floor Rajanakarn Building

3 South Sathorn Road, Sathorn Bangkok 10120, THAILAND

Tel. +66 2 343 9477 Fax. +66 2 676 7337

info@rso.baliprocess.net



The Bali Process



The Bali Process

on People Smuggling, Trafficking in Persons and Related Transnational Crime